

**ADAT DAN PANTANG LARANG
KEMATIAN DALAM MASYARAKAT RUNGUS
KAJIAN KES: KAMPUNG BAVANGGAZO,
KUDAT, SABAH**

NORASYIKIN BINTI MOHD SARAP

UNIVERSITI

MALAYSIA

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN
KEPUJIAN**

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2022



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**ADAT DAN PANTANG LARANG KEMATIAN DALAM
MASYARAKAT RUNGUS**

**KAJIAN KES: KAMPUNG BAVANGGAZO,
KUDAT, SABAH**

Oleh:

NORASYIKIN BINTI MOHD SARAP

Projek Penyelidikan ini dikemukakan untuk memenuhi keperluan Ijazah
Sarjana Muda Pengajian Warisan di Fakulti Teknologi Kreatif dan
Warisan

Universiti Malaysia Kelantan

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2022

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh _____ sehingga _____

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



Tandatangan

Tandatangan Penyelia

Dr. Norazlinda Binti Mohamed Rosdi

Tarikh : 28 Februari 2022

Nama Penyelia

Tarikh :

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD. Sila Kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

THESIS DECLARATION

I hereby certify that the work embodied in this thesis is the result of the original research and has not been submitted for a higher degree to any other University or Institution.

OPEN ACCESS

I agree that my thesis is to be made immediately available as hardcopy or on-line open access (full text)

EMBARGOES

I agree that my thesis is to be made available as hardcopy or on-line (full text) for a period approved by the Post Graduate Committee.

Date from _____ until _____

CONFIDENTIAL

(Contains confidential information under the Official Secret Act 1972) *

RESTRICTED

(Contains restricted information as specified by the organization where research was done) *

I acknowledge that University Malaysia Kelantan reserves the right as follows.

1. The thesis is the property of University Malaysia Kelantan.
2. The library of University Malaysia Kelantan has the right to make copies for the purpose of research only.
3. The library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.



SIGNATURE

SIGNATURE OF SUPERVISOR

980926125314

IC/PASSPORT NO.

DR. NORAZLINDA BT. MOHAMED ROSDI

NAME OF SUPERVISOR

Date:

Date:

Note: * If the thesis is CONFIDENTIAL OR RESTRICTED, please attach the letter from the organization stating the period reasons for confidentially and restriction.

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim, dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, syukur Alhamdulillah berkat Allah S.W.T saya berjaya menyiapkan laporan penulisan projek penyelidikan bagi memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Keupujian. Walaupun sepanjang tempoh menyiapkan penulisan ini saya menghadapi pelbagai cabaran dan kepayahan, walaupun dengan keadaan pandemik Covid-19 yang telah menyukarkan saya dalam melakukan kajian lapangan yang mana pada masa tersebut kerajaan telah menyekat perjalanan merentas daerah namun saya masih boleh menyiapkan penulisan ini. Masalah jarak tempat kajian yang terlalu jauh iaitu selama 4 jam telah menyukarkan saya dan masalah kekurangan dana dan capaian internet yang lemah semasa berada dirumah. Namun begitu, berkat doa dan nasihat daripada ibu bapa, keluarga dan rakan-rakan, saya mampu menyiapkan penulisan ini.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan khas kepada Dr. Norazlinda Binti Mohamed Rosdi selaku pensyarah penyelia yang telah banyak memberikan nasihat dan tunjuk ajar kepada saya sepanjang menyiapkan tugas ini. Tidak lupa juga berkat didikan serta kerjasama yang diberikan oleh beliau tanpa mengira waktu telah membuatkan saya berhasil menyiapkan penulisan ini. Segala nasihat dan tunjuk ajar yang telah diberikan kepada saya amat berguna bagi menghasilkan laporan penulisan yang baik dan teratur.

Tidak lupa juga diucapkan kepada ibu bapa yang telah menyokong saya dari awal hingga akhir. Berkat sokongan mereka saya akhirnya berjaya menyiapkan laporan penulisan ini dan berkat bantuan mereka dari segi kewangan saya dapat melakukan kajian lapangan di Kampung Bavanggazo, Kudat.

Sekalung budi juga dirakamkan kepada sahabat saya Norsuriati Binti Abdul Khamad kerana telah membantu saya bagi menyiapkan laporan ini, beliau sentiasa berada disisi saya sepanjang tempoh saya menyiapkan penulisan ini. Terima kasih juga kerana telah menemani saya dari Tawau ke Kudat untuk melakukan kajian lapangan, menempuh perjalanan yang jauh selama 4 jam dari Kota Kinabalu bersama-sama saya.

**ADAT DAN PANTANG LARANG KEMATIAN DALAM MASYARAKAT
RUNGUS KAJIAN KES: KAMPUNG BAVANGGAZO KUDAT, SABAH**

ABSTRAK

Projek Penyelidikan ini adalah salah satu usaha untuk memperkenalkan warisan budaya masyarakat Rungus dan mengenalpasti adat dan pantang larang kematian dalam masyarakat Rungus di Kampung Bavanggazo, Kudat, Sabah. Seperti yang kita ketahui, kematian merupakan perkara yang pasti dan semua manusia pasti akan merasai kematian suatu hari nanti. Oleh itu, adat dan pantang larang amat penting untuk diketahui kerana ia telah menjadi panduan dan peraturan dalam pengurusan jenazah seperti dalam masyarakat Rungus mereka amat mementingkan adat-adat dan pantang larang dalam kehidupan kerana bagi mereka adat-adat tersebut dapat membantu mereka dalam interaksi sosial dan kehidupan. Terdapat beberapa adat dan pantang larang kematian yang diamalkan oleh masyarakat Rungus. Selain itu, terdapat juga beberapa proses upacara pengebumian yang dilakukan oleh masyarakat Rungus di Kampung Bavanggazo. Masyarakat Rungus telah melalui perubahan dalam adat kematian yang diamalkan oleh mereka akibat daripada perubahan zaman dan teknologi dunia yang semakin canggih. Selain itu, pengaruh agama Kristian juga telah menyebabkan adat dan pantang larang kematian dalam masyarakat Rungus berubah. Oleh itu, adat dan pantang larang kematian yang telah diamalkan oleh masyarakat Rungus telah membantu mereka untuk mewujudkan keharmonian dan kesepakatan dalam kehidupan.

Kata Kunci: adat, pantang larang, kematian

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**CUSTOMS AND PROHIBITIONS ON DEATH IN RUNGUS COMMUNITY
CASE STUDY: KAMPUNG BAVANGGAZO KUDAT, SABAH**

ABSTRACT

This research project is one of the efforts to introduce the cultural heritage of the Rungus community and identify the customs and taboos of death in the Rungus community in Kampung Bavanggazo, Kudat, Sabah. As we know, death is a certainty and all human beings will surely experience death one day. Therefore, customs and taboos are very important to know because it has become a guide and rule in the management of funerals as in the Rungus community they are very concerned about customs and taboos in life because for them the customs can help them in social interaction and life. There are several customs and taboos against death practiced by the Rungus community. Apart from that, there are also several funeral ceremonies performed by the Rungus community in Bavanggazo Village. The Rungus community has undergone a change to the custom of death practiced by them as a result of the changing times and the increasingly sophisticated technology of the world. In addition, the influence of Christianity has also caused the customs and taboos of death in the Rungus community to change. Thus, the customs and taboos of death that have been practiced by the Rungus community have helped them to create harmony and agreement in life.

Keywords: custom, taboo, death

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ISI KANDUNGAN

| | HALAMAN |
|--|----------------|
| PERAKUAN TESIS | |
| THESIS DECLARATION | i |
| PENGHARGAAN | ii |
| ABSTRAK | iii |
| ABSTRACT | iv |
| ISI KANDUNGAN | v |
| SENARAI GAMBAR | x |
| SENARAI RAJAH | xi |
| SENARAI JADUAL | xi |
| | |
| BAB 1 PENDAHULUAN | |
| 1.1 Pengenalan | 2 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 4 |
| 1.3 Permasalahan Kajian | 6 |
| 1.4 Persoalan Kajian | 7 |
| 1.5 Objektif Kajian | 8 |
| 1.6 Skop Kajian | 8 |
| 1.7 Kepentingan Kajian | 9 |
| 1.8 Kesimpulan | 11 |
| | |
| BAB II KAJIAN LITERATUR | |
| 2.1 Pengenalan | 12 |
| 2.2 Sorotan Kajian Lepas | 13 |
| 2.2.1 Adat dan Upacara Kematian | 13 |
| 2.2.2 Pantang Larang | 17 |

| | | |
|----------------|--|----|
| | 2.2.3 Pengaruh Agama dan Kepercayaan | 17 |
| 2.3 | Kerangka Teoritikal | 21 |
| | 2.3.1 Kerangka Teori Fungsionalisme | 22 |
| BAB III | Metodologi Kajian | |
| 3.1 | Pengenalan | 23 |
| 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 25 |
| | 3.2.1 Kualitatif | 25 |
| 3.3 | Pengumpulan Data | 26 |
| | 3.3.1 Data Primer | 26 |
| | 3.3.2 Data Sekunder | 27 |
| 3.4 | Kerangka Konsep Kajian | 28 |
| 3.5 | Persampelan | 29 |
| 3.6 | Instrumen Kajian | 30 |
| 3.7 | Analisis Data | 31 |
| 3.8 | Kesimpulan | 33 |
| BAB IV | DAPATAN KAJIAN | |
| 4.1 | Pengenalan | 35 |
| 4.2 | Analisis Demografi Responden | 35 |
| 4.3 | Adat Kematian Dalam Masyarakat Rungus | 37 |
| | 4.3.1 Adat Berkumpul | 37 |
| | 4.3.2 Adat Pigagama | 39 |
| | 4.3.3 Adat Todung | 41 |
| | 4.3.4 Adat Mengasah Parang dan Melontar Batu | 43 |
| | 4.3.5 Adat Menjaga Lubang Kubur | 44 |
| | 4.3.6 Adat Membersihkan Diri | 45 |
| | 4.3.7 Adat Momuot | 46 |
| | 4.3.7 Adat Mongoluvass | 46 |

| | | |
|-----|---|----|
| 4.4 | Pantang Larang Kematian Dalam Masyarakat Rungus | 52 |
| | 4.4.1 Tidak Boleh Memukul Gong | 52 |
| | 4.4.2 Tidak Boleh Naik Sembarang Di Kediaman Si Mati | 54 |
| | 4.4.3 Tidak Boleh Mengenakan Pakaian yang Terlalu Menonjol | 56 |
| | 4.4.4 Tidak Boleh Berkahwin Selama Tempoh Berkabung | 56 |
| | 4.4.5 Harus Berkurung Di Bilik | 57 |
| 4.5 | Praktis atau Proses Upacara Kematian yang Diamalkan Oleh Masyarakat Rungus | 58 |
| | 4.5.1 Praktis atau Proses Upacara Kematian Sebelum Pengebumian | 59 |
| | 4.5.2 Praktis atau Proses Upacara Kematian Semasa Pengebumian | 61 |
| | 4.5.3 Praktis atau Proses Upacara Kematian Semasa Pengebumian | 65 |
| 4.6 | Perbezaan Antara Adat Kematian Masyarakat Rungus Pada Masa Kini dan Masyarakat Rungus Pada Zaman Dahulu | 66 |
| | 4.6.1 Perbezaan Adat Berkumpul | 66 |
| | 4.6.2 Perbezaan Adat Pigagama | 67 |
| | 4.6.3 Perbezaan Adat Todung | 68 |
| | 4.6.4 Perbezaan Adat Mengasah Parang dan Melontar Batu | 69 |
| | 4.6.5 Perbezaan Adat Menjaga Lubang Kubur | 70 |
| | 4.6.6 Perbezaan Adat Membersihkan Diri | 71 |
| | 4.6.7 Perbezaan Adat Momuot | 72 |
| | 4.6.8 Perbezaan Adat Mongoluvass | 73 |
| 4.7 | Perubahan Penggunaan keranda | 74 |
| 4.8 | Kesimpulan | 75 |

| | | |
|-------------------|---|-----------|
| BAB V | PENUTUP | |
| 5.1 | Pengenalan | 77 |
| 5.2 | Perbincangan | 78 |
| 5.3 | Cadangan | 80 |
| | 5.3.1 Pendokumentasian Warisan Adat dan Pantang Larang Kematian | 81 |
| | 5.3.2 Pihak Institusi | 81 |
| | 5.3.3 Peranan Golongan Tua | 82 |
| | 5.3.4 Peranan Golongan Muda | 83 |
| | 5.3.5 Peranan Pihak Berkepentingan | 83 |
| 5.4 | Penutup | 84 |
| RUJUKAN | | 87 |
| LAMPIRAN A | | 89 |
| LAMPIRAN B | | 91 |
| LAMPIRAN C | | 92 |
| LAMPIRAN D | | 93 |

SENARAI GAMBAR

| NO. GAMBAR | | HALAMAN |
|-------------------|--------------------------|----------------|
| Gambar 1 | Peta Sabah | 5 |
| Gambar 2 | Perlatan Pinggan Mangkuk | 37 |
| Gambar 3 | Gadul | 38 |

| | | |
|----------------|---|----|
| Gambar 4 | Salapa | 38 |
| Gambar 5 | Ahli Keluarga Dan Penduduk Kampung Bekumpul Di Kediaman Si Mati | 43 |
| Gambar 6 | Tetamu Menjamu Makanan Yang Telah Disediakan Oleh Tuan Rumah | 44 |
| Gambar 7 | Balu Si Mati Sedang Berhias | 44 |
| Gambar 8 | Balu Memakai Pakaian Tradisi Masyarakat Rungus | 45 |
| Gambar 9 45 | Berkumpul Sebelum Ke Kubur Si Mati | |
| Gambar 10 | Berarak Ke Kubur Si Mati | 45 |
| Gambar 11 | Ahli Keluarga Dan Penduduk Kampung Berkumpul Di Kubur Si Mati | 46 |
| Gambar 12 | Penduduk Kampung Meminum Tuak Di Kawasan Tapak Perkuburan | 47 |
| Gambar 13 | Gong | 47 |
| Gambar 14 | Pelbagai Jenis Gong | 48 |
| Gambar 15 | Keranda | 55 |
| Gambar 16 | Baju Tradisi Lelaki Etnik Rungus | 56 |
| Gambar 17 | Tanjak Atau Sigal | 57 |
| Gambar 18 | Pakaian Lengkap Lelaki Tradisi Etnik Rungus | 58 |
| Gambar 19 | Pakaian Wanita Tradisi Etnik Rungus | |
| Gambar 20 | Linongkisan Atau Tapi-Tapi | 59 |
| Gambar 21 | Pakaian Lengkap Wanita Tradisi Etnik Rungus | 59 |
| Gambar 22 | Perbezaan Adat Menjaga Lubang Kubur | 65 |

SENARAI RAJAH

| NO. RAJAH | | HALAMAN |
|-----------|-----------------------------------|---------|
| Rajah 1 | Kerangka Teori | 20 |
| Rajah 2 | Kerangka Konsep Kajian | 25 |
| Rajah 3 | Proses Analisis Data | 27 |
| Rajah 4 | Aliran Proses Upacara Pengebumian | 53 |

SENARAI JADUAL

| NO. JADUAL | | HALAMAN |
|------------|---|---------|
| Jadual 1 | Demografi Responden | 31 |
| Jadual 2 | Perbezaan Adat Berkumpul | 60 |
| Jadual 3 | Perbezaan Adat Pigagama | 61 |
| Jadual 4 | Perbezaan Adat Todung | 62 |
| Jadual 5 | Perbezaan Adat Mengasah Parang dan Melontar Batu | 63 |
| Jadual 6 | Perbezaan Adat Menjaga Lubang Kubur | 64 |
| Jadual 7 | Perbezaan Adat Membersihkan Diri | 65 |
| Jadual 8 | Perbezaan Adat Momuot | 66 |
| Jadual 9 | Perbezaan Adat Mongoluvass | 67 |
| Jadual 10 | Perubahan Penggunaan Keranda | 68 |

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Kematian adalah satu perkara yang pasti dan adalah salah satu fasa yang akan dialami oleh setiap umat manusia dalam kehidupan. Hal ini kerana, kehidupan di dunia hanya sementara seperti yang telah tersurat dalam al-Quran dan kehidupan yang kekal adalah di alam akhirat. Seperti yang kita ketahui, kematian ini adalah perkara yang menakutkan bagi semua orang yang mana jika berlaku kematian dalam kalangan individu terdekat sudah pastinya kita akan merasai rasa kehilangan orang yang tersayang dan berasa sedih. Semua orang sudah tertulis suratan kehidupannya dan kematian ini dapat mengingatkan kita pada sesuatu perkara yang pasti. Oleh yang demikian, ini termasuklah dalam adat kematian masyarakat Rungus di Sabah.

Selain itu, kematian tidak hanya berlaku kepada umat manusia sahaja kerana kematian yang dimaksudkan meliputi kesemua benda yang bernyawa seperti haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Semua benda hidup akan melalui fasa ini dan tiada siapa yang terlepas daripada kematian seperti yang dikatakan dalam Al-quran surah Al-jumu'ah ayat 8 iaitu “Sesungguhnya kematian yang kamu lari dari padanya, ia pasti menemui kamu, kemudian kamu akan dikembalikan kepada (Allah), yang mengetahui yang ghaib dan yang nyata, lalu Dia beritakan kepadamu apa yang telah kamu kerjakan.”

Kematian berhubung kait dengan adat istiadat kerana setiap bangsa dan agama mempunyai tatacara atau upacara kematian. Hal ini kerana, setiap berlaku kematian terdapat beberapa cara untuk menguruskan si mati dan kesemua cara pengurusan tersebut secara tidak langsung menjadi sesebuah adat istiadat. Adat adalah perbuatan yang dilakukan oleh setiap masyarakat dan ia dilakukan secara berulang kali. Sesuatu perbuatan atau tingkah laku yang dilakukan dalam kehidupan seharian telah menjadi salah satu adat kerana ianya diadaptasikan dalam kehidupan dan seterusnya diturunkan dari generasi ke generasi yang lain.

Warisan diertikan atau dimaksudkan sebagai suatu perbuatan yang diturunkan oleh orang-orang terdahulu dan ianya diwariskan kepada generasi ke generasi dan hal ini telah diterima dan diadaptasikan oleh kelompok masyarakat dalam kehidupan mereka. Hal ini juga telah dikemukakan pada 'Akta Harta Benda Purba, 1976' yang mana akta ini menyebut dan mengertikan warisan sebagai tinggalan yang diturunkan oleh orang-orang terdahulu sama ada melalui bentuk buatan atau semula jadi seperti sesuatu perkara yang boleh dilihat dengan pandangan mata kasar dan tidak boleh atau langsung tidak dinampak serta perkara yang kekal atau suatu perkara yang langsung tidak boleh dipindahkan ke tempat lain. Hal ini dimana warisan dimaksudkan sebagai apa jua perbuatan atau amalan yang dilakukan oleh masyarakat terdahulu dan telah menjadi amalan masyarakat kini yang telah menjadikan warisan sebagai suatu alat dalam kehidupan mereka bagi menjamin kelestarian kelangsungan hidup mereka.

Seterusnya, adat kematian secara tidak langsung telah menjadi salah satu warisan dan ia tergolong dalam kategori warisan tidak ketara dan dalam warisan budaya terdapat dua aspek yang dinyatakan iaitu warisan ketara dan warisan tidak ketara. Warisan ketara merupakan warisan yang boleh dilihat, dirasa, dan dipegang seperti bangunan, tapak warisan, monumen, artifak, dan alam semula jadi. Manakala warisan tidak ketara pula adalah sesuatu perkara yang tidak dapat dilihat tetapi boleh dirasa seperti ilmu pengetahuan, amalan tradisi, syair, cerita lisan, dan perkara-perkara yang ada pada sastera. Seni persembahan juga tertakluk di bawah warisan tidak ketara seperti seni mempertahankan diri, dan seni tari. Oleh itu, adat kematian tergolong dalam aspek

warisan tidak ketara kerana terdapat ritual-ritual atau upacara yang dilakukan sepanjang pengurusan jenazah seseorang yang telah meninggal dunia.

Sehubungan dengan itu, setiap adat istiadat mempunyai pantang larang yang harus dipatuhi. Hal ini kerana, pantang larang merupakan larangan, peraturan atau undang-undang yang dikenakan dan ianya harus dilakukan oleh setiap orang yang melakukan sesuatu perkara dalam adat yang diterima. Menurut Mohamed Pitchay Gani Bin Mohamed Abdul Aziz (2006) pantang larang merupakan salah satu ‘undang-undang lisan’ yang mana sesuatu larangan hanya diucapkan melalui pertuturan sahaja dan bukan bertulis namun mesti dipatuhi. Hal ini kerana, pada zaman dahulu sistem perundangan tidak wujud lagi dan ia digantikan dengan pantang larang secara lisan. Masyarakat terdahulu menggunakan pantang larang untuk mendisiplinkan anak-anak mereka agar lebih patuh dan menghormati apa sahaja bentuk perkara dan jika pantang tersebut diingkari maka akan ada denda yang menanti seseorang melanggar pantang larang. Oleh itu, dengan adanya kajian ini ia dapat memberi pengetahuan kepada masyarakat berkaitan dengan adat dan pantang larang kematian dalam masyarakat Rungus di Sabah.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Negeri Sabah merupakan negeri di bawah bayu yang mempunyai kepelbagaian suku kaum dan agama. Hal ini kerana, negeri ini mempunyai hampir 30 suku kaum dan 80 dialek bahasa dan etnik terbesar yang terkenal di Sabah ialah Kadazan Dusun, Rungus, Bajau, Murut, dan lain-lain. Asal usul sebenar etnik Rungus tidak dapat dipastikan kesahihannya mereka berasal daripada mana kerana terdapat banyak pendapat dan teori berkaitan asal usul etnik ini. Hal ini kerana, menurut cerita mitos atau legenda etnik Rungus berasal daripada Nunuk Ragang iaitu sebuah tempat yang berada di daerah Ranau, Sabah yang mana Nunuk Ragang adalah sebuah pokok kayu ara yang sangat besar dan ianya didiami oleh seekor ayam jantan dan juga seorang puteri.

Selain itu, sesetengah berpendapat bahawa etnik Rungus merupakan penduduk daripada China, penduduk Luzon di Filipina, dan juga masyarakat di Monggolia yang mana dapat dilihat dari segi persamaan seni dan budaya kehidupan mereka. Etnik Rungus juga merupakan penduduk terbesar yang mendiami kawasan utara di Sabah iaitu di daerah Kudat, Kota Marudu, dan Pitas. Sebahagian lagi menetap di bahagian Sandakan yang mana penempatan etnik ini tertumpu di Kampung Bawang, Kampung Maidan, Pinampadan, dan juga Labuk Sugut. Namun begitu, pada masa kini masyarakat Rungus boleh ditemui di setiap pelusuk kawasan Sabah disebabkan oleh beberapa faktor seperti peluang pekerjaan, perkahwinan campur dan lain-lain lagi.

Seterusnya, etnik ini mempunyai corak kebudayaan dan kehidupan yang unik dan etnik ini juga berpegang kepada kepercayaan animisme iaitu percaya kepada benda-benda ghaib seperti mempercayai sesuatu perkara yang mempunyai semangat atau roh. Kepercayaan etnik ini iaitu animisme dapat dilihat dalam amalan-amalan kehidupan mereka dan telah menjadi tradisi yang dilakukan sehingga ke hari ini. Salah satu, kepercayaan mereka adalah masyarakat Rungus percaya kepada Bobolizan dan ia telah menjadi tunjang utama dalam setiap amalan dan ritual yang mereka lakukan. Selain itu, mereka juga mempercayai kepercayaan Labus yang mana Labus merupakan salah satu agama terawal mereka sebelum adanya agama-agama lain yang dianuti oleh etnik ini. Labus adalah persembahan yang dilakukan oleh etnik Rungus untuk menyembah Tuhan mereka. Persembahan yang dimaksudkan merujuk kepada berhala dan masyarakat Rungus akan meletakkan berhala tersebut berdekatan dengan Nunuk Ragang (Pokok Ara) atau batu besar dan selain untuk mengembah Tuhan mereka ianya juga untuk menyembah semangat roh-roh.

Masyarakat Rungus juga dikenali sebagai 'momogun' atau 'pasok momogun' iaitu yang bermaksud orang asli atau penduduk asal tempat yang mereka diami dan mereka juga sering memperkenalkan diri mereka sebagai 'momogun' tidak kira sama ada dalam kalangan mereka sendiri atau dengan orang lain atau apabila mereka berinteraksi dengan suku kaum lain. Momogun adalah istilah yang mempunyai makna yang mendalam bagi masyarakat Rungus kerana mereka menganggap perkataan ini adalah asli, dan bersifat klasik iaitu berasal daripada perkataan purba. Istilah Momogun

berasal daripada bahasa Rungus yang bermaksud sebuah rumah yang telah ditinggalkan. Etnik Rungus mempunyai adat resam yang telah diwarisi sejak turun temurun termasuklah dalam adat kematian dan mereka sangat menitikberatkan adat resam yang diamalkan oleh nenek moyang dan begitu juga terhadap pantang larangnya dalam kehidupan seharian mereka.



Gambar 1: Peta Sabah

Sumber: Google Image

Majoriti masyarakat Rungus pada awalnya menetap di Kudat, namun berlakunya penghijrahan yang mana sebahagian daripada mereka telah berpindah ke Kota Marudu dan Pitas. Hal ini kerana, penghijrahan itu berlaku disebabkan oleh ancaman kerosakan tanaman di kawasan Kudat dan ini telah menyebabkan mereka mengambil inisiatif untuk berpindah ke kawasan baru bagi meneruskan kehidupan. Pada zaman dahulu masyarakat Rungus menetap secara berkelompok di sebuah rumah panjang dan rumah tersebut dipanggil 'Binatang'. Rumah panjang yang didiami oleh etnik Rungus sangat istimewa bagi mereka dan setiap penduduk yang tinggal di rumah tersebut haruslah mengikuti peraturan dan pantang larang yang telah ditetapkan. Walau bagaimanapun, pada masa kini ramai masyarakat Rungus yang memilih untuk tinggal di kediaman sendiri kerana beberapa faktor seiring dengan peningkatan teknologi dalam perubahan zaman.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Kini arus globalisasi dilihat telah memberikan impak yang mendalam terhadap warisan kebudayaan, samada impak yang baik atau yang buruk. Hal ini kerana, arus globalisasi sedikit sebanyak telah memberi kesan terhadap warisan budaya yang mana warisan yang dimiliki telah terancam akibat daripada perubahan era telah membuat masyarakat tidak peka akan kepentingan sesebuah warisan. Arus gelombang globalisasi yang berlaku telah memberi satu cabaran dalam usaha mengekalkan warisan budaya yang dimiliki oleh sesebuah bangsa agar tidak hilang begitu sahaja dan dapat diteruskan oleh generasi akan datang. Oleh yang demikian, terdapat beberapa permasalahan telah diwujudkan dalam kajian ini.

Salah satu permasalahan dalam kajian ini adalah seperti yang kita ketahui, sesuatu adat amat penting bagi sesebuah bangsa dan ianya telah lama diturunkan oleh nenek moyang sejak dahulu lagi, akan tetapi masyarakat sekarang kurang mengetahui tentang adat-adat kematian seperti adat kematian masyarakat Rungus sedangkan hal ini merupakan perkara asas dalam kehidupan masyarakat. Adat kematian ini sangat penting untuk semua lapisan masyarakat dan setiap kaum mempunyai upacara menguruskan jenazah seseorang yang telah meninggal dunia. Melansir dalam keratan akhbar Berita Harian (2021) telah menyatakan bahawa masyarakat pada masa kini tidak mengambil peduli berkaitan ilmu pengurusan jenazah dan apabila berlaku kematian dalam kalangan ahli keluarga mereka sama sekali tidak mengetahui bagaimana menguruskan jenazah tersebut sehingga akhirnya mereka menyerahkan tugas pengurusan jenazah kepada orang lain.

Selain itu, masyarakat pada masa kini tidak lagi mementingkan sesuatu adat dan pantang larang yang ada seperti dalam adat kematian masyarakat Rungus yang dikatakan telah diamalkan oleh masyarakat terdahulu. Menurut Balingian Abdul Yakub Arbi (2021), sesuatu warisan budaya yang mempunyai nilai yang baik dan masih relevan dengan corak kehidupan masyarakat haruslah dikekalkan bersama agar peninggalan warisan budaya ini dapat diwarisi oleh generasi seterusnya. Di samping

itu, masalah yang terdapat dalam kajian ini juga ialah masyarakat sekarang kurang kesedaran terhadap kepentingan pengamalan adat, hukum, dan pantang larang dalam melakukan sesuatu perkara. Adat istiadat amat penting untuk dilaksanakan oleh semua manusia kerana ia bertujuan untuk menghormati seseorang yang telah meninggal dunia.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Bagi membincangkan adat dan pantang larang kematian dalam masyarakat Rungus di Sabah, persoalan bagi kajian ini ialah:

- i. Apakah adat dan pantang larang kematian dalam masyarakat Rungus di Kampung Bavanggazo, Kudat, Sabah?
- ii. Apakah praktis atau proses upacara kematian yang diamalkan oleh masyarakat Rungus di Kampung Bavanggazo, Kudat, Sabah?
- iii. Apakah perbezaan adat kematian yang diamalkan oleh masyarakat Rungus pada masa kini dan masyarakat Rungus pada zaman dahulu?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian dibina selepas persoalan kajian ditimbulkan. Hal ini turut berlaku dalam kajian pengkaji. Antara objektif kajian ini adalah:

- i. Mengenalpasti adat dan pantang larang kematian dalam masyarakat Rungus di Kampung Bavanggazo, Kudat Sabah.
- ii. Mengkaji praktis atau proses upacara kematian yang diamalkan oleh masyarakat Rungus di Kampung Bavanggazo, Kudat, Sabah

- iii. Membincangkan perbezaan antara adat kematian masyarakat Rungus pada masa kini dengan masyarakat Rungus pada zaman dahulu.

1.6 SKOP KAJIAN

Skop kajian amat penting agar kajian yang dilakukan lebih teratur dan sistematik kerana skop kajian adalah batas yang perlu dibuat kerana ianya dapat menjimatkan masa pengkaji dalam mengumpulkan data-data yang diperlukan. Oleh sebab itu, kajian ini hanya tertumpu kepada masyarakat di kampung Bavanggazo Kudat yang berbangsa Rungus sahaja kerana kajian ini berkaitan dengan adat dan pantang larang kematian masyarakat Rungus. Selain itu, pengkaji melakukan kajian ini di bahagian utara Borneo iaitu daerah Kudat, di kampung Bavanggazo. Hal ini kerana, kawasan kampung ini masih mengamalkan adat dan pantang larang dalam kematian masyarakat Rungus. Pengkaji telah menetapkan tempat kajian agar lebih mudah untuk mendapatkan maklumat berkaitan adat dan pantang larang kematian yang dilakukan oleh masyarakat Rungus.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Dengan adanya kajian seperti ini yang dilakukan oleh pengkaji dapat digunakan dan dimanfaatkan oleh pihak-pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung bagi meneruskan warisan ini agar tidak hilang ditelan zaman dan melalui kajian sebegini juga dapat melindungi dan menjaga adat-adat yang ada seperti dalam adat kematian kerana seperti yang kita ketahui, Negara Malaysia mempunyai kepelbagaian budaya dan bangsa yang telah menjadi lambang dan identiti bagi sesebuah negara. Secara umumnya, terdapat beberapa kepentingan yang utama dalam kajian ini iaitu melibatkan individu, masyarakat dan institusi. Oleh yang demikian, dengan adanya kajian seperti ini, sesuatu adat resam dapat dipelihara dan dipulihara.

1.7.1 Individu

Kepentingan kajian ini terhadap individu adalah seseorang individu dapat mengetahui dan mengenali sesuatu warisan budaya yang dimiliki oleh setiap lapisan masyarakat seperti dalam kajian pengkaji dimana dengan adanya kajian ini seseorang individu dapat mengetahui dengan lebih mendalam berkaitan adat kematian yang dilakukan oleh masyarakat. Hal ini kerana, pada masa kini warisan budaya semakin pudar dan generasi muda pada hari ini kurang pendedahan terhadap sesuatu warisan dan mereka tidak mengambil peduli akan kepentingan warisan budaya. Oleh itu, dengan adanya kajian seperti ini ianya akan membantu seseorang individu untuk lebih memahami, mengetahui, dan mengenali dengan lebih dekat berkaitan adat istiadat serta pantang larang seperti dalam kajian pengkaji berkaitan dengan adat dan pantang larang kematian dalam masyarakat Rungus di Sabah.

1.7.2 Masyarakat

Kajian ini juga penting bagi masyarakat kerana daripada hasil kajian yang dilakukan oleh pengkaji akan dapat memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan sesuatu adat dan pantang larang dalam kehidupan. Hal ini kerana, sesuatu adat menggambarkan corak kehidupan yang diamalkan oleh masyarakat. Kajian yang dilakukan juga dapat membantu golongan masyarakat bagi mendapatkan sumber atau bahan rujukan yang mana mereka boleh menjadikan kajian yang dilakukan oleh pengkaji sebagai rujukan bagi memudahkan proses pengumpulan data dan kajian ini juga dapat memberi gambaran berkaitan bagaimana cara pengurusan kematian khususnya dalam adat kematian yang diamalkan oleh masyarakat Rungus di Sabah.

1.7.3 Institusi

Bagi kepentingan institusi pula, kajian yang dilakukan dapat membantu institusi seperti pustaka atau perpustakaan dalam menjadikan sesuatu kajian yang dijalankan sebagai bahan rujukan yang akan memudahkan para pelajar untuk merujuk laporan kajian yang telah dilakukan oleh mahasiswa dan mahasiswi lepas dalam melakukan sesuatu projek penyelidikan. Oleh itu, kajian ini banyak memberi manfaat kepada pihak-pihak yang terlibat bahkan juga penting bagi negara kerana dengan adanya penyelidikan seperti ini, sesuatu adat resam dapat dilindungi daripada ancaman kepupusan atau dilupai oleh masyarakat kerana perkembangan globalisasi yang kian meningkat pada masa kini.

1.8 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan mengenai permulaan kepada kajian penyelidikan yang dilakukan dan antaranya ialah pengenalan, latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian dan kepentingan kajian. Dalam bab ini, pengkaji telah menerangkan segala perincian tentang masyarakat Rungus. Oleh yang demikian, bab ini membantu pengkaji untuk mendapatkan rangka awal bagi memulakan kajian kelak.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB II

KAJIAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN

Menurut Beile & D.N, P. (2005), kajian literatur merupakan satu analisis untuk mengenalpasti sesuatu topik yang dibincangkan. Kajian literatur juga adalah salah satu cara untuk membezakan apa yang perlu dikaji dalam penyelidikan supaya dapat menemukan pembolehubah yang sesuai dengan tajuk penyelidikan yang dilakukan. Selain itu, kajian literatur juga menggabungkan topik-topik yang sama dengan penyelidikan yang dilakukan yang mana mengambil beberapa contoh penulisan untuk dijadikan bahan rujukan.

Bryman dan Bell (2003) telah menyatakan bahawa kajian literatur adalah salah satu bahan rujukan dalam penyelidikan yang bersifat kritikal mengenai topik perbincangan pengkaji. Hal ini kerana, kajian literatur ini dilakukan bagi memberikan asas teori utama kepada pengkaji untuk meneruskan penyelidikan yang dilakukan dan dapat membantu pengkaji untuk memahami topik utama penyelidikan.

2.2 SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.2.1 Adat Dan Upacara Kematian

Menurut Radik Taim et al. (2014) dalam bukunya yang bertajuk “Adat Resam dan Pantang Larang Suku Kaum di Sabah” iaitu penulisan berkaitan dengan adat resam dan pantang larang kematian masyarakat Bajau telah menyatakan bahawa masyarakat Bajau yang memegang agama Islam menguruskan jenazah si mati mengikut hukum,

panduan, dan peraturan berlandaskan ajaran Islam. Hal ini kerana, seperti yang kita ketahui, sebagai seorang yang beragama Islam, kita haruslah menguruskan sesuatu perkara berdasarkan peraturan yang telah ditetapkan sebagaimana yang tercatat di dalam Al-Quran dan hadis. Akan tetapi, terdapat masyarakat Bajau yang mengamalkan adat kematian yang tidak mengikut cara Islam seperti adat Balu-Balu iaitu pemberitahuan kematian yang mana jika seseorang penduduk meninggal dunia, pukulan gong iaitu balu-balu akan dibunyikan sebagai pemberitahuan bahawa terdapat penduduk yang telah kembali ke rahmatullah. Oleh itu, dengan adanya adat kematian seperti Balu-balu ini, masyarakat atau penduduk akan mudah untuk mengetahui adanya penduduk yang telah meninggal dunia ketika itu.

Selain itu, Wan Ramli Wan Muhamad (2006) dalam bukunya yang bertajuk “Adat Resam” iaitu dalam penulisannya yang berkaitan dengan adat kematian suku kaum Cina menyatakan bahawa terdapat peraturan dan tatacara yang diamalkan oleh masyarakat Cina seperti apabila seseorang telah meninggal dunia, para pelawat yang datang bertandang ke rumah si mati tidak boleh mengenakan pakaian atau baju yang berwarna-warni kerana jika terdapat pelawat yang mengenakan pakaian sedemikian rupa, dianggap tidak menghormati upacara tersebut. Pakaian yang lebih elok dipakai oleh pelawat semasa berkunjung ke rumah si mati adalah pakaian yang berwarna hitam atau kelabu sebagai petanda untuk berkabung dan menghormati si mati.

Seterusnya, Rita Lasimbang (2014) menyatakan bahawa dalam adat kematian suku kaum Kadazan Dusun, adat kematian yang diamalkan mengikut beberapa peringkat dan terdapat upacara yang dilakukan selepas hari pertama si mati meninggal dunia yang mana dalam adat kematian suku kaum ini apabila seseorang itu telah mati, ahli keluarganya akan berkumpul bersama-sama di dalam rumahnya dan mereka tidak dibenarkan untuk membuat kekecohan atau bising dan dalam kepercayaan suku kaum Kadazan Dusun juga, mereka tidak menggunakan perkataan “mati” kerana dianggap tidak menghormati si mati dan perkataan tersebut digantikan dengan perkataan ‘minidu pogun’ atau ‘nokoodop’ iaitu tertidur. Oleh itu, dengan adanya adat-adat seperti ini, masyarakat akan lebih peka terhadap sesuatu perkara.

Sememangnya, seluruh dunia mempunyai adat istiadat atau upacara yang telah dilakukan sejak dahulu lagi kerana ia telah menjadi perkara wajib bagi sesetengah masyarakat. Menurut Gregory Kiyai (2019) dalam penulisannya yang bertajuk 'Ritual Adat Kematian Dalam Masyarakat Iban di Sarawak' menjelaskan bahawa masyarakat Iban melakukan upacara 'sabak' iaitu upacara bagi meratapi pemergian si mati dan untuk menceritakan kisah perjalanan si mati di alam lain sebelum si mati dikebumikan. 'Sabak' disebut sebagai lagu roh atau lagu yang didendangkan kepada si mati sebagai ratapan untuk meratapi pemergiannya. Ritual 'sabak' ini dianggap penting kerana ia mengiringi si mati ke perjalanan alam selepas kematian iaitu perjalanan untuk ke titian 'andau rawan' dan 'sebayan'. Malahan, 'sabak' ini juga bertujuan mengingatkan si mati untuk kali yang terakhir dan ritual ini hanya dilakukan oleh orang tertentu sahaja seperti hanya dilakukan oleh wanita Iban yang mahir dalam medendangkan lagu ratapan untuk si mati.

Dalam artikel yang bertajuk 'Adat Kematian Dalam Kalangan Kumpulan Etnik Bajau Laut di Kampung Bangau-Bangau, Semporna, Sabah' yang ditulis oleh Rozaliah Mokhtar (2020) menyatakan bahawa masyarakat Bajau Laut yang tinggal di kampung Bangau-Bangau masih mengamalkan tradisi atau upacara kematian 'Magjaga Kubul' (menjaga kubur yang mana selepas jenazah selesai dikuburkan, akan ada saudara mara yang menjaga tempat persemadian si mati dan upacara ini dilakukan selama tujuh hari berturut-turut selepas kematiannya dan di tempat istirahatnya akan dipasang pelita atau lilin bertujuan untuk menerangi kubur si mati. Upacara ini dahulunya tidak ada atau tiada dalam adat Bajau dan baru diamalkan pada masa kini. Beliau juga menyatakan bahawa masyarakat Bajau yang menetap di Kampung Bangau-Bangau mengamalkan upacara 'bangkai-bangkai' atau 'pabahakan a'ah matai' (menyediakan tempat tidur si mati) yang mana keluarga si mati akan menyediakan tilam berserta barang-barang peribadinya seperti pakaian dan di tepi tempat tidurnya akan diletakkan makanan. Tilam yang digunakan untuk melakukan upacara 'bangkai-bangkai' ini merupakan tempat tidur si mati sebelum dikebumikan.

Menurut Toh Min Min dan Low Kok On (2019) menjelaskan bahawa jika berlaku kematian dalam kalangan masyarakat Murut, mereka akan mengadakan ritual

menyimpan mayat si mati di dalam tajau yang besar. Hal ini kerana, tajau atau bekas tersebut bertujuan untuk mengukur nilai kehidupan si mati dan biasanya tajau tersebut dipilih sendiri oleh si mati. Setiap masyarakat Murut telah menyediakan sebuah tajau sebagai persediaan apabila mereka telah meninggal dunia. Selain itu juga, tajau ini mempunyai cerita dan keistimewaan yang mana keluarga si mati harus memenuhi permintaan orang tersebut kerana jika keluarganya tidak mengikuti kehendaknya, maka akan dikhuatiri roh si mati akan mengganggu ketenteraman hidup mereka. Beliau juga menjelaskan bahawa apabila berlaku kematian dalam masyarakat Murut, keluarga si mati harus menyediakan keperluan seperti tapai ubi, binatang yang diburu dan wang. Hal ini tidak boleh dipandang remeh atau tidak boleh diendahkan oleh keluarga si mati kerana jika mereka tidak menyiapkan segala bentuk keperluan tersebut, boleh dianggap sebagai satu hinaan kepada si mati.

Kematian merupakan suatu perkara yang pasti dirasakan oleh setiap manusia yang tinggal di muka bumi ini. Menurut Saidatul Nornis Hj. Mahali (2010) yang telah menjelaskan dalam bukunya yang bertajuk 'Adat dan Ritual di Sabah' iaitu apabila berlaku kematian dalam kalangan masyarakat Iranun, biasanya akan dibunyikan pukulan 'tabo' (gong atau gendang). Hal ini kerana, pukulan 'tabo' tersebut dibunyikan bertujuan untuk memberitahu penduduk setempat ada kematian berlaku dan pukulan 'tabo' ini dibezakan mengikut peringkat umur. Sebagai contoh, jika yang meninggal itu kanak-kanak, 'tabo' akan dibunyikan sebanyak tujuh kali dan jika yang meninggal golongan remaja, 'tabo' akan dibunyikan sebanyak sembilan kali, manakala jika golongan dewasa, maka 'tabo' akan dibunyikan sebanyak sebelas kali. Masyarakat Iranun juga menyediakan 'payung' untuk dibawa semasa perjalanan ke kuburan yang mana 'payung' tersebut bertujuan untuk membezakan status si mati samada dia golongan bangsawan ataupun golongan biasa dan dapat dibezakan melalui penggunaan warna dan lingkaran yang ada pada permukaan payung.

Selain itu, beliau juga menyatakan adat kematian suku kaum Bisaya yang menetap di Sabah mengamalkan ritual melepaskan haiwan atau binatang peliharaan mereka apabila berlaku kematian dalam kalangan keluarga. Hal ini kerana, haiwan peliharaan tersebut dilepaskan untuk meringankan dan memudahkan orang yang hendak mati ataupun sedang nazak. Masyarakat Bisaya juga mengamalkan upacara

'sangkut-sangkut' yang mana ia merupakan sisa baki kain kafan si mati dan ritual ini diadakan selepas pengebumian si mati yang mana upacara 'sangkut-sangkut' dilakukan untuk mengira hari kematian si mati dan mereka menghitung hari kematian dengan menyimpul kain kafan mereka sehingga genap 40 hari selepas kematian si mati.

Menurut Khairulnazrin Nasir et al. (2019) menyatakan bahawa semasa pengurusan jenazah, mereka akan meletakkan benang, jarum, gunting ataupun cermin di atas mayat si mati dan perletakan barang-barang tersebut hanya dilakukan oleh seorang pawang yang menguruskan jenazah si mati dan juga ahli keluarga terdekatnya. Mereka meletakkan jarum pada kain kafan si mati agar syaitan dan jin tidak memasuki atau mengganggu jasad seseorang yang telah meninggal dunia. Semua barang-barang tersebut mempunyai fungsinya yang tersendiri seperti cermin yang diletakkan di atas mayat si mati bertujuan agar jin atau syaitan yang datang mengganggu akan lari apabila melihat wajahnya yang hodoh pada pantulan cermin. Masyarakat Sungai percaya bahawa dengan meletakkan kesemua barang-barang tersebut akan dapat melindungi si mati daripada perbuatan ilmu sihir. Hal ini kerana, di Pitas, kebanyakan masyarakatnya mengamalkan ilmu hitam.

2.2.2 Pantang Larang

Dalam sesuatu adat yang diamalkan oleh sesuatu kaum, pasti terselit pantang larang dalam pelaksanaannya. Hal ini kerana, pantang larang yang ditetapkan dianggap sebagai satu peraturan yang harus diikuti oleh semua masyarakat yang mengamalkan sesuatu adat. Pantang larang dianggap penting oleh sesebuah kaum kerana jika seseorang melanggar pantang larang atau peraturan yang telah ditetapkan, maka mereka percaya bahawa akan ada malapetaka yang menimpa seseorang yang melanggar pantang tersebut dan hal ini juga mampu membuatkan seseorang itu terkena musibah yang pada akhirnya membawa kepada kematian.

Masyarakat Melayu mempunyai banyak pantang larang dalam istiadat mereka. Hal ini kerana, bagi masyarakat Melayu, pantang larang merupakan larangan untuk seseorang daripada melakukan perkara yang bercanggah dengan adat yang diamalkan.

Pantang larang ini merangkumi kesemua aspek kehidupan mereka seperti dalam kelahiran, kematian dan pakaian, muzik, tarian dan banyak lagi. Salah satunya adalah pantang larang orang mengandung yang mana wanita Melayu dahulu terikat kepada peraturan yang ketat seperti mereka tidak boleh keluar atau melihat gerhana matahari kerana jika wanita yang sedang mengandung melihat fenomena alam tersebut, maka anak yang akan dilahirkan olehnya lahir dengan bermata juling dan ini berlaku apabila wanita yang mengandung tersebut melanggar pantang (Ani Haji Omar, 2010).

Selain itu, dalam adat kematian masyarakat Bajau, keluarga atau saudara mara yang datang bertandang ke rumah si mati tidak boleh mencuci kain atau pakaian mereka. Hal ini kerana, jika seseorang individu tersebut melanggar pantang, maka mereka percaya bahawa akan menyusul si mati atau lebih terang lagi adalah pelaku yang membasuh kain sepanjang tempoh selepas pengebumian si mati akan meninggal dunia dan pada fasa ini, dirinya sangat dekat dengan kematian bak kata pepatah 'nyawa di hujung tanduk'. Bukan hanya mereka tidak boleh membasuh baju, malahan mereka juga dilarang sama sekali membakar ikan dan akibat yang akan dirasai oleh individu yang melanggar pantang larang sama seperti akibat membasuh kain. Mereka percaya bahawa pelaku tersebut akan menyusul si mati dalam tempoh kenduri ketiga hingga kenduri ketujuh (Nordiana binti Mosum & Mohd Yuszaidy bin Mohd Yusof et al., 2017). Oleh yang demikian, pantang larang ini amat penting bagi mencegah seseorang itu daripada melakukan sesuatu perkara yang buruk dan harus dipatuhi. Masyarakat terdahulu membuat peraturan ini untuk menjaga keluarga mereka daripada ditimpa bencana atau musibah.

2.2.3 Pengaruh Agama Dan Kepercayaan

Setiap kaum dan masyarakat di muka bumi ini mempunyai agama dan kepercayaan sendiri yang mana agama yang dianuti menentukan identiti seseorang individu. Agama sangat penting dalam kehidupan kerana dapat memberi petunjuk arah untuk menjalankan kehidupan seharian dan agama juga dapat membentuk peribadi seseorang yang mana jika seseorang itu tidak mempunyai pegangan hidup, maka kehidupan yang dijalannya sentiasa dalam keadaan kelam dan gelisah. Selain itu, jika

seseorang tersebut tidak patuh pada perintah agama yang dianutnya, boleh menyebabkan individu itu terjerumus ke arah hal-hal sesat.

Seterusnya, Malaysia dikenali sebagai satu negara yang mempunyai rakyat yang berbilang kaum. Hal ini kerana, Malaysia mempunyai latar belakang yang unik yang mana masyarakat merayakan pelbagai upacara dan tradisi mengikut kaum seperti Melayu, Cina, India, masyarakat peribumi Sabah, Sarawak dan juga orang asli. Sebelum kedatangan Islam ke Tanah Melayu, masyarakatnya dipengaruhi oleh agama Hindu-Buddha yang mana mereka menjalankan kehidupan mengikut kepada kepercayaan tersebut. Masyarakat Melayu menerima pengaruh agama Hindu-Buddha daripada pedagang India yang datang ke Tanah Melayu dan merangkumi aspek sosial, politik, dan ekonomi. Pada ketika ini, raja dianggap sebagai tuhan oleh masyarakat dan mereka tidak boleh mengingkari setiap titah yang diberikan.

Menurut Raymond Majumah et al. (2014), masyarakat Rungus yang menetap di Sabah mengamalkan kepercayaan animisme. Hal ini kerana, sebelum masyarakat Rungus menerima pengaruh agama Islam dan Kristian, mereka mempercayai perkara-perkara ghaib dan kepercayaan ini telah menjadi tunjang utama dalam pembentukan adat dan segala pantang larang dalam corak kehidupan dan kebudayaan mereka. Peraturan atau pantang larang dalam adat resam masyarakat Rungus wujud disebabkan oleh rasa hormat mereka terhadap perkara ghaib iaitu 'Porodong'.

Dalam jurnal 'Bbahul dan Hubungannya dengan Kepercayaan Bbiruhui Etnik Rungus di Sabah' yang ditulis oleh Low Kok On, Azlan Shafie Abdullah@ Raymond Majumah et, al. (2014) menyatakan bahawa masyarakat Rungus telah mengamalkan kepercayaan Bbiruhui sejak dahulu lagi dan ia telah diturunkan oleh nenek moyang kepada generasi penerus kepercayaan ini iaitu etnik Rungus itu sendiri. Mereka juga menyatakan bahawa dahulu masyarakat Rungus adalah pengamal Pagan yang mana mereka tidak percaya bahawa tuhan itu wujud. Akan tetapi, selepas itu, masyarakat Rungus mula percaya kepada kepercayaan animisme yang mana mereka mula menyembah kepada benda-benda ghaib seperti semangat roh. Hal ini kerana,

masyarakat Rungus terikat antara alam ghaib dengan alam manusia yang mana keduanya saling berhubung dan masyarakat Rungus juga percaya bahawa terdapat semangat baik dan semangat jahat. Semangat jahat atau 'rogon' boleh mendatangkan bencana kepada mereka seperti boleh memberi penyakit atau bencana buruk.

Menurut Nursuhaila Sulaiman dan Asmiaty Amat et, al. (2019) menjelaskan bahawa kepercayaan etnik Kadazan Dusun sama seperti etnik Rungus yang mana masyarakatnya mengamalkan kepercayaan animisme. Hal ini kerana, masyarakat Kadazan Dusun percaya kepada roh atau benda yang mempunyai semangat seperti hutan, sungai dan banyak lagi. Setiap roh atau semangat mempunyai fungsinya yang tersendiri dalam kehidupan masyarakat Kadazan Dusun seperti roh yang jahat boleh memudaratkan kehidupan mereka dan roh yang baik dapat memberikan masyarakat kehidupan yang lebih baik.

Melansir daripada artikel yang bertajuk 'Agama dan Kepercayaan Masyarakat Cina' yang ditulis oleh Sivikmaresmag (2017) menjelaskan bahawa majoriti masyarakat Cina yang menetap di Malaysia menganut agama Buddha atau Taoisme. Hal ini kerana, masyarakat Cina juga mengamalkan kepercayaan animisme yang mana mereka juga menyembah unsur-unsur alam seperti mereka melakukan pemujaan terhadap sungai, angin dan segala unsur alam yang ada di muka bumi ini dan mereka juga memuja nenek moyang dan dewa-dewi. Mereka menyembah kesemua unsur alam tersebut agar mereka dapat menjalani kehidupan dengan baik dan dapat memberi mereka kesenangan hidup seperti mempunyai wang yang banyak.

Menurut Awang Azman Awang Pawi (2013), etnik Melanau yang menetap di Sarawak mempunyai kepercayaannya yang tersendiri. Hal ini kerana, kepercayaan mereka telah membentuk corak kehidupan yang dijalani dan mereka percaya kepada benda-benda ghaib dan juga unsur-unsur alam. Masyarakat Melanau percaya bahawa pemujaan yang dilakukan dapat memberikan kesejahteraan kepada semua manusia di bumi ini. Sebelum melakukan sesuatu perkara atau menentukan setiap perbuatan, mereka terlebih dahulu merujuk kepada makhluk halus yang mana roh atau benda-

benda yang mempunyai semangat sentiasa berkeliaran di mana-mana dan masyarakat Melanau sentiasa berwaspada terhadap tingkahlaku atau pantang larang yang telah ditetapkan kerana jika mereka mengingkarinya, maka perkara buruk akan menimpa mereka.

2.3 KERANGKA TEORITIKAL

Dalam sesuatu penyelidikan kerangka teori amat penting sebagai alat pengukur bagi melaksanakan kerja-kerja penyelidikan. Hal ini dikatakan demikian kerana, sesuatu kerangka teori pengkaji dapat melakukan suatu penyelidikan dengan sistematik kerana ini telah menjadi satu asas untuk memahami factor-faktor dalam kajian yang dilakukan.


Menurut H. Nawawi (1995), kerangka teori penting dalam sesuatu penyelidikan yang dilakukan oleh para pengkaji kerana di dalam kerangka teori, terdapat teori-teori yang boleh digunapakai oleh pengkaji bagi menjawab setiap pernyataan masalah dalam sesuatu kajian yang dijalankan. Teori merupakan anggapan atau idea untuk menerangkan sesuatu persoalan. Teori juga digunakan untuk menerangkan apa yang sedang berlaku dan apa yang sepatutnya terjadi. Selain itu juga, teori adalah pandangan yang dapat dibuktikan melalui rangka-rangka teori yang relevan untuk menerangkan sesuatu perkara.

Menurut Shahril Sebayu (2011), teori fungsionalisme merupakan teori berkaitan dengan perilaku sosial masyarakat ataupun sesebuah institusi. Hal ini kerana, fungsionalisme adalah salah satu kajian mengenai perkembangan budaya masyarakat yang mana ia menjelaskan apa jua perbuatan yang dilakukan mempunyai fungsinya yang tersendiri. Sebagai contoh, sesebuah institusi pendidikan mempunyai pelbagai fungsi salah satunya adalah sebagai medium penyebaran ilmu pengetahuan kepada masyarakat. Teori fungsionalisme diasaskan dan diperkenalkan oleh tokoh-tokoh sociology iaitu Emile Drukheim, Auguste Comte, dan Herbert Spencer.

Teori yang digunakan dalam mengkaji Adat dan Pantang Larang Kematian dalam Masyarakat Rungus di Sabah ialah teori fungsionalisme. Menurut Imam Kristianto (2019) fungsionalisme merupakan gabungan antara dua perkataan iaitu “fungsi” dan “nasionalis” yang mana fungsi yang dimaksudkan adalah sesuatu perkara yang mendatangkan impak yang positif dalam organisasi sosial seperti dapat memberi sumbangan terhadap sesuatu perkara dan dalam konteks ruang lingkup sosial masyarakat fungsionalisme merujuk kepada sesebuah organisasi sosial yang merangkumi beberapa aspek seperti struktur dan fungsi dari sesebuah bangsa ataupun dari kelompok masyarakat. Dalam konteks kajian pula, teori fungsionalisme berhubung kait dengan adat dan pantang larang kematian kerana sesuatu adat yang dilakukan oleh masyarakat mempunyai peranan dan fungsi yang tersendiri dalam ruang lingkup sosial masyarakat seperti adat atau upacara mongukas atau lumuvas yang dilakukan oleh kaum Rungus adalah untuk upacara mengingati si mati.

2.3. 1 KERANGKA TEORI FUNGSIONALISME

Teori fungsionalisme merupakan salah satu kaedah bagi merumuskan segala persoalan dalam kajian yang dilakukan. Selain itu, pengaplikasian teori ini dalam kajian agar dapat menjadi penanda aras dalam menyusun dan mengumpulkan data-data berkaitan dengan Adat dan Pantang Larang Kematian dalam Masyarakat Rungus di Sabah. Kerangka teori bagi kajian ini adalah seperti berikut:



Rajah 1: Kerangka Teori

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Metodologi kajian adalah salah satu cara untuk mengumpulkan data atau maklumat yang diperlukan oleh pengkaji bagi menjalankan sesuatu kajian dan metodologi kajian ini juga amat penting bagi mencapai objektif yang telah dilakukan oleh pengkaji. Pendekatan kajian yang telah digunakan oleh pengkaji bagi menjalankan kajian ini adalah kaedah kualitatif yang mana pengkaji mengumpul data dan maklumat melalui data primer iaitu tinjauan dan pemerhatian serta temubual bagi mencapai matlamat objektif kajian pengkaji serta data sekunder iaitu melalui kajian kepustakaan.

Menurut Siti Sarah (2015), metodologi kajian merupakan salah satu kaedah untuk merekabentuk kajian iaitu dengan cara mengumpul dan menganalisis data agar kajian yang dilakukan dapat dilakukan dengan sokongan bukti-bukti yang jelas. Metodologi dapat membantu pengkaji untuk memahami tentang kaedah-kaedah yang digunakan dalam penyelidikan. Hal ini kerana, melalui teknik-teknik pengumpulan data yang diaplikasikan seperti kaedah temubual, kajian lapangan dan sebagainya dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan bukti yang kukuh tentang tajuk kajian pengkaji.

Oleh yang demikian, dalam bab ini, ia menerangkan tentang kaedah-kaedah yang diaplikasikan dalam kajian iaitu adat dan pantang larang kematian yang diamalkan oleh masyarakat Rungus di Sabah khususnya yang menetap di bahagian utara Sabah. Metodologi amat penting dalam sesebuah kajian kerana ia dapat

membantu pengkaji mengumpul dan menganalisis data dengan sistematik melalui beberapa kaedah kajian.

3.2 REKABENTUK KAJIAN

Rekabentuk kajian adalah salah satu kaedah yang digunakan dalam pengumpulan data dan kajian ini adalah kajian kualitatif yang berbentuk saintifik yang mana ia bertujuan untuk menjelaskan struktur adat dan pantang larang kematian yang diamalkan oleh masyarakat Rungus. Menurut Mc. Milan dan Schumcher (1984), rekabentuk kajian adalah kaedah dalam penyelidikan untuk mengawal kajian yang dilakukan dan dalam bab ini terdapat beberapa langkah dan kaedah yang digunakan bagi mendapatkan jawapan daripada setiap persoalan kajian. Selain itu, menurut Bryman (2008), rekabentuk kajian adalah rangka kaedah yang digunakan dalam sesebuah penyelidikan bagi mengumpul dan menganalisis data.

3.2.1 Kualitatif

Pendekatan kajian yang digunakan dalam menjalankan kajian ini adalah kaedah kualitatif. Hal ini kerana, kaedah ini telah memudahkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat berserta bukti-bukti kukuh daripada setiap persoalan berkaitan dengan tajuk kajian yang dilakukan. Menurut Taylor dan Bogdan (1984), pendekatan kajian ini bertujuan untuk membentuk kata-kata yang diucapkan secara lisan atau direkodkan dengan tulisan yang berkaitan dengan perilaku sosial manusia. Bentuk kaedah kajian ditentukan oleh tajuk kajian kes. Menurut Bryman dan Bell (2007), kajian kes adalah salah satu strategi dalam penyelidikan. Mereka juga turut menyatakan bahawa tajuk kajian adalah berhubungkait dengan rekabentuk kajian iaitu kajian kualitatif. Melalui pendekatan ini, pengkaji dapat menggambarkan kajian kes yang dilakukan menerusi temubual dan kajian lapangan yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan kukuh bagi dijadikan sokongan dalam penyelidikan. Oleh yang demikian, dalam kajian yang dilakukan, tajuk kajian amat penting sebagai penentu aras atau asas utama dalam penyelidikan dan kajian kes ini digunakan untuk mendapatkan maklumat

berkaitan dengan adat dan pantang larang kematian yang diamalkan oleh masyarakat Rungus yang menetap di Sabah.

3.3 PENGUMPULAN DATA

Pengumpulan data merupakan satu langkah yang dilakukan dalam sesebuah penyelidikan. Hal ini kerana, maklumat atau data-data yang berkaitan dengan kajian kes amat penting bagi memastikan kajian dapat dilakukan dengan sistematik yang mana melalui data yang telah dikumpul dan dianalisis akan digunakan sebagai sokongan untuk melakukan kajian dengan lebih teratur kerana dengan adanya bukti yang kukuh berserta fakta-fakta yang tepat. Oleh sebab itu, sumber yang digunakan dalam proses pengumpulan data adalah dengan menggunakan teknik seperti berikut:

3.3.1 Data Primer

Data primer adalah sumber utama yang digunakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian kes. Hal ini kerana, untuk melakukan sesuatu penyelidikan, kita haruslah mengumpul dan menganalisis data terlebih dahulu. Menurut Husein Umar (2013), data primer adalah satu bukti, fakta dan maklumat yang didapati daripada sumber pertama seperti mendapatkan maklumat daripada seseorang yang arif dengan kajian yang dilakukan. Selain itu, sumber utama ini dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan maklumat secara terperinci dan jelas. Menurut Nur Indrianto dan Bambang Supono (2013), data primer adalah sumber yang didapatkan secara langsung iaitu tidak merujuk kepada daya sumber media massa. Oleh itu, bagi mengetahui adat dan pantang larang kematian yang diamalkan oleh masyarakat Rungus di Sabah, kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam data primer ini adalah kaedah temubual dan kaedah kajian lapangan.

i) Temubual

Kaedah temu bual merupakan salah satu langkah yang mudah dan ringkas bagi mendapatkan maklumat. Hal ini kerana, kaedah ini membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat yang sulit berkaitan sesuatu perkara dan kaedah ini juga dapat menjawab segala persoalan daripada kajian yang dilakukan. Menurut Patton (1980), terdapat tiga cara yang digunakan bagi kaedah temubual. Salah satunya ialah temubual secara formal bersama responden, temubual tertutup dan akhir sekali temubual tidak formal. Dalam bab ini, pengkaji telah mengaplikasikan kaedah temubual dalam penyelidikan yang dilakukan dan pengkaji akan memfokuskan kepada masyarakat yang berbangsa Rungus sahaja untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan adat dan pantang larang kematian dalam masyarakat tersebut. Tambahan pula, respondent emu bual terdiri daripada masyarakat Rungus yang menetap di Kampung Bavanggazo, Kudat, Sabah. Pengkaji juga menemubual penduduk atau masyarakat yang arif berkaitan adat kematian yang diamalkan seperti ketua kampung, masyarakat yang berumur dalam lingkungan 35-69 tahun serta masyarakat Rungus yang berpengetahuan luas mengenai adat ini.

3.3.2 Data Sekunder

Data sekunder merupakan sumber kedua yang digunakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian kes. Data sekunder adalah maklumat tambahan berkaitan dengan tajuk penyelidikan yang dilakukan. Melalui sumber ini, pengkaji lebih mudah untuk memahami konsep dan seterusnya boleh memberi gambaran terhadap ciri-ciri atau susur galur dalam penyelidikan. Melalui sumber kedua ini juga pengkaji akan mudah untuk mendapatkan sumber-sumber tambahan yang diperlukan seperti mendapatkan data melalui kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh para penyelidik, buku, artikel, jurnal dan lain-lain lagi. Menurut Husein Umar (2103), data sekunder adalah sumber pertama yang telah ditambah dan diubah samada faktanya ditokok tambah oleh para pengkaji terdahulu di dalam data primer atau individu yang lain.

i) Kajian Kepustakaan

Menurut Siti Sarah (2015) kajian kepustakaan amat penting bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Hal ini kerana, di dalam bab ini, kaedah kepustakaan amat membantu pengkaji untuk mencari segala maklumat berkaitan dengan adat dan pantang larang kematian yang diamalkan oleh masyarakat Rungus dan kaedah ini juga dapat memberi idea-idea baru kepada pengkaji. Kaedah ini banyak memberi manfaat kepada pengkaji kerana pengkaji dapat mengumpul data-data berkaitan dengan konsep, ciri, adat dan banyak lagi daripada bahan bacaan yang dilakukan oleh pengkaji.

3.4 KERANGKA KONSEP KAJIAN

Kerangka konsep kajian merupakan panduan kepada pengkaji dan dilakukan untuk tujuan menganalisis ciri-ciri atau elemen yang berhubungkait dengan kajian yang dilakukan. Selain itu, kerangka ini dapat memberi gambaran yang jelas mengenai kajian kes serta lebih mudah difahami oleh pengkaji dan dengan adanya kerangka ini, ia menjadi lebih padat dan ringkas.



Rajah 2: Kerangka Konsep Kajian

3.5 PERSAMPELAN

Bagi persampelan kajian, pengkaji menggunakan persampelan bukan kebarangkalian iaitu Snowball atau bola saji yang mana pengkaji telah mengenalpasti informan atau responden yang akan ditemubual untuk memperoleh data dan informan tersebut akan menyerahkan pengkaji kepada informan berlainan namun arif mengenai kajian ini. Hal ini kerana, pengkaji telah mengenalpasti responden yang terdiri daripada penduduk kampung yang arif mengenai kajian ini seramai 6 orang responden. Persampelan bukan kebarangkalian Snowball ini dilakukan melalui temubual secara langsung dan secara atas talian.

3.6 INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian adalah salah satu alat untuk mengumpul data-data atau maklumat berkaitan dengan sesuatu penyelidikan yang dilakukan. Menurut M. Askari Zakariah et.al (2020) instrument adalah alat bagi memudahkan sesuatu kajian yang dilakukan seperti dalam pengumpulan data kajian. Terdapat beberapa instrument yang digunakan agar kajian ini dapat dilaksanakan dengan lancar dan antara peralatan yang digunakan adalah:

3.6.1 Perakam Suara

Pengkaji menggunakan telefon bimbit sebagai alat untuk merakam atau merekodkan segala maklumat dan data-data berkaitan dengan kajian yang dikemukakan oleh informan dalam temubual yang dilakukan oleh pengkaji.

3.6.2 Buku Catatan dan Alat Tulis

Pengkaji juga menggunakan buku catatan untuk dijadikan sebagai alat sokongan untuk merekodkan data-data yang diperolehi dan pengkaji juga menggunakan alat tulis seperti pen untuk mencatatkan segala maklumat mengenai kajian yang dilakukan. Peralatan ini digunakan kerana jika berlaku kehilangan data melalui rakaman suara pengkaji masih mempunyai data sokongan lain yang telah dicatat dalam buku catatan.

3.6.3 Kamera

Pengkaji menggunakan gajet seperti kamera dan telefon bimbit untuk merekodkan data dan maklumat mengenai Adat dan Pantang Larang Kematian dalam Masyarakat Rungus di Sabah. Peralatan ini digunakan untuk menangkap gambar-gambar dan video berkaitan dengan kajian yang dilakukan.

3.6 ANALISIS DATA

Analisis data adalah salah satu proses dalam membuat sesuatu penyelidikan yang mana kaedah ini dilakukan bagi menyusun data-data dan mengkategorikan segala maklumat ke dalam satu huraian (Patton, 1980). Analisis data juga merupakan salah satu Langkah yang diambil dalam penyelidikan untuk mengolah data-data yang diperolehi hasil daripada temubual, kajian perpustakaan, dan pemerhatian yang dilakukan menjadi satu maklumat yang lengkap agar mudah difahami dan teratur.



Rajah 3: Proses Analisis Data

Seterusnya, bagi menganalisis data pengkaji telah menggunakan teknik tematik. Terdapat beberapa langkah-langkah dalam proses menganalisis data dalam kajian penyelidikan ini dan salah satunya ialah proses transkripsi data yang mana dalam kaedah ini data-data yang diperolehi daripada hasil temu bual seperti rakaman audio akan diolah semula menjadi satu teks penulisan. Hal ini dilakukan agar hasil akhir maklumat berkaitan dengan kajian penyelidikan menjadi lebih sistematik dan tersusun.

Setelah itu, data-data yang diperolehi akan dianalisis menerusi pembacaan semula yang mana pengkaji akan membaca semula data-data yang dikumpul melalui temu bual yang dilakukan bersama responden. Pengkaji akan membuat penelitian semula kesemua hasil data dan maklumat berkenaan dengan adat dan pantang larang

kematian dalam masyarakat Rungus. Oleh itu, dengan membuat pembacaan semula hasil-hasil data yang diperolehi sesuatu penulisan akan menjadi lebih tersusun dan proses ini juga dilakukan agar tidak terdapat kesalahan dalam maklumat yang diperolehi. Selain itu, langkah ketiga dalam menganalisis data adalah penentuan tema yang mana pengkaji membuat penelitian awal berkaitan dengan tajuk kajian untuk mendapatkan tema dan objektif kajian yang sesuai berdasarkan tajuk penyelidikan yang dilakukan.

Langkah seterusnya adalah dengan membuat pemilihan kod kumpulan yang mana hasil daripada langkah ketiga iaitu penentuan tema pengkaji akan menentukan dan memilih kumpulan sasaran untuk dijadikan responden dalam penyelidikan yang dilakukan. Sebagai contoh, responden temu bual disasarkan kepada kumpulan masyarakat yang berpengetahuan mengenai tajuk kajian, ketua kampung, ketua adat, dan lain-lain lagi. Setelah membuat pemilihan kod kumpulan proses menganalisis data diteruskan dengan langkah pemilihan sub-kumpulan. Tambahan pula, langkah lain bagi menganalisis data adalah menggunakan triangulasi data yang mana hasil daripada data-data atau maklumat yang diperolehi daripada temu bual, pemerhatian, dan juga kajian perpustakaan akan digabungkan. Akhir sekali, bagi menganalisis data pengkaji akan melakukan semakan untuk kesahan yang mana pengkaji membuat semakan semula terhadap data-data dan segala maklumat yang diperolehi agar dapat digunakan dan dapat mencapai objektif kajian.

3.4 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, bab ini menerangkan tentang metodologi kajian yang diaplikasikan dalam kajian penyelidikan. Hal ini kerana, metodologi kajian haruslah dipilih mengikut kesesuaian kajian. Metodologi kajian membuatkan kajian yang dilakukan lebih teratur. Di dalam bab ini juga, meliputi rekabentuk kajian seperti pengumpulan data iaitu melalui kaedah temubual dan bab ini juga membincangkan data-data bagi mendapatkan bahan atau maklumat iaitu data primer dan data sekunder.

Selain itu, terdapat beberapa instrument yang digunakan bagi menyiapkan kajian ini seperti perakam suara, alat tulis, buku catatan, dan kamera. Hal ini kerana, kesemua alatan ini digunakan bagi merekodkan segala data dan maklumat semasa temu bual dijalankan. Peralatan ini amat membantu pengkaji untuk menjimatkan masa selain daripada memudahkan pengkaji untuk menyemak semula data-data yang diperolehi. Seterusnya, dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah tematik untuk menganalisis data yang mana terdapat tujuh langkah dalam proses untuk menganalisis data. Oleh itu, metodologi kajian yang digunakan untuk menjalankan kajian ini dapat membantu dalam pengumpulan dan menganalisis data berkaitan dengan adat dan pantang larang kematian yang diamalkan oleh masyarakat Rungus di Sabah.

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Bab ini menghuraikan hasil dapatan kajian yang dilakukan terhadap masyarakat Rungus yang menetap di Kampung Bavanggazo, Kudat, Sabah. Hal ini kerana, dalam bab ini akan menjelaskan berkaitan dengan analisis data “Adat dan Pantang Larang Kematian Dalam Masyarakat Rungus di Kampung Bavanggazo, Kudat. Dapatan kajian ini diperoleh melalui kaedah temubual dan menggunakan teori fungsionalisme. Terdapat 3 soalan yang diterangkan dalam bab ini iaitu soalan pertama berkaitan dengan adat dan pantang larang kematian dalam masyarakat Rungus, soalan kedua pula berkaitan dengan praktis atau proses upacara kematian yang diamalkan oleh masyarakat Rungus, manakala soalan ketiga membincangkan perbezaan antara adat kematian masyarakat Rungus pada masa kini dengan masyarakat Rungus pada zaman dahulu.

4.2 ANALISIS DEMOGRAFI RESPONDEN

Responden merupakan seseorang individu yang dijadikan sebagai pemberi maklumat dalam sesuatu kajian yang dilakukan. Hal ini kerana, responden berperanan untuk menjawab segala pertanyaan atau persoalan berkaitan dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji dan mereka terdiri daripada pihak-pihak yang arif dan berpengalaman. Jadual 4. dibawah menunjukkan pecahan nama, umur, dan kod responden.

| BIL | NAMA | UMUR | PERANAN | KOD RESPONDEN |
|-----|---------------|------|--|---------------|
| 1. | Puan Rose | 62 | Pemilik Rungus Longhouse | R1 |
| 2. | Encik Kawahui | 69 | Ketua Kampung atau Ketua adat | R2 |
| 3. | Encik Angkung | 68 | Penduduk Kampung: Pengurus jenazah bagi lelaki | R3 |
| 4 | Encik Abin | 57 | Penduduk Kampung: Pengurus jenazah bagi lelaki | R4 |
| 5. | Puan Angel | 55 | Penduduk Kampung: Pengurus jenazah bagi perempuan | R5 |
| 6. | Puan Suzan | 39 | Penduduk Kampung: Pengurus jenazah bagi perempuan | R6 |

Jadual 4.1: Demografi Responden

Sumber: Kajian Lapangan 2021

Temubual bersama responden yang telah dikenalpasti dijalankan secara bersemuka, membuat pemerhatian, dan secara maya iaitu hanya melalui aplikasi WhatsApp. Hal ini kerana, pandemik Covid-19 telah membuatkan responden memilih untuk tidak ditemubual secara bersemuka dan kekangan jarak juga telah menghalang

pengkaji untuk membuat temubual secara terus dengan responden. Namun begitu, sepanjang sesi temubual dijalankan pengkaji telah mencatat dan merekod perbualan responden berkaitan dengan soalan-soalan yang disediakan oleh pengkaji. Responden dalam kajian ini terdiri daripada lelaki dan perempuan yang berumur dalam lingkungan 35-69 tahun dan semua responden merupakan penduduk yang menetap di kampung Bavanggazo.

Seterusnya, terdapat enam orang responden dalam kajian ini iaitu yang pertama adalah Puan Rose yang mana beliau merupakan pemilik Rungus Longhouse di Bavanggazo dan merupakan seorang 'Bobolizan atau bomoh' di kampung ini. Puan Rose berumur 62 tahun dan beliau arif mengenai kajian yang dilakukan oleh pengkaji serta Puan Rose akan dikenali sebagai R1 dalam kajian ini. Responden yang kedua pula adalah Encik Kawahui beliau berumur 69 tahun dan merupakan ketua adat atau ketua kampung Bavanggazo beliau akan dikenali sebagai R2 dan responden yang ketiga adalah Encik Angkung beliau merupakan penduduk kampung Bavanggazo yang berumur 68 tahun. Encik Angkung adalah individu yang bertanggungjawab dalam menguruskan jenazah lelaki di Kampung Bavanggazo dan dalam kajian ini beliau akan dikenali sebagai R3.

Encik Abin pula merupakan responden keempat yang mana beliau adalah penduduk kampung Bavanggazo yang berumur 57 tahun dan sama seperti R3 beliau juga bertanggungjawab dalam menguruskan jenazah lelaki di kampung ini dan Encik Abin akan dikenali sebagai R4. Manakala, responden yang kelima adalah Puan Angel yang berumur 55 tahun dan beliau adalah penduduk kampung Bavanggazo. Puan Angel merupakan individu yang bertanggungjawab dalam menguruskan jenazah perempuan di kampung ini dan beliau akan dikenali sebagai R5 dan responden yang terakhir adalah Puan Suzan yang berumur 39 tahun, beliau adalah individu yang bertanggungjawab menguruskan jenazah perempuan jika berlaku kematian di Kampung Bavanggazo dan merupakan penduduk kampung ini. Puan Suzan akan dikenali sebagai R6 dalam kajian ini. Oleh itu, kesemua responden telah dikenal pasti.

4.3 ADAT KEMATIAN DALAM MASYARAKAT RUNGUS

Adat merupakan satu undang-undang secara tidak bertulis atau perbuatan yang dilakukan oleh satu kelompok individu sehingga menjadi norma dalam kehidupan dan diteruskan dari generasi ke generasi. Terdapat beberapa adat yang diterangkan dalam bab ini hasil daripada temubual bersama responden yang telah di pilih oleh pengkaji.

4.3.1 Adat Berkumpul

Menurut Puan Rose dan Encik Kawahui (2021) masyarakat Rungus di Kampung Bavanggazo mengamalkan adat bekumpul-kumpul jika berlaku kematian.

“Oo.oo.oo, sebelum pengurusan si mati itu kalau kami punya bangsa, terus berkumpul-kumpul, mmm.”

(R1: Pemilik Rungus Longhouse)

“Ooo, terus bergumpul-gumpul dan tulung-menulung apa yang kita buli tulung-tulunglah waktu masa itu, masam misalnya kan masak-memasak, yang pertama masak-memasak dan yang kedua kita misti kasi kawan durang sampai kena kubur, oh. Itu samua orang-orangla ahh, samua orang-orang. Orang masam ditempat sia kan Kg. Bavanggazo jadi semua orang di sini datang.”

(R1: Pemilik Rungus Longhouse)

“Kalau sini Bavanggazo kami urang itu mengamalkan adat berkumpul-kumpul, kalau ada kematian samua urang kampung datang pigi itu rumah si mati, menulung la kan urang bilang bah kasi kurang sikit kirja-kirja itu orang yang kematian. Tulung

masak-masak, kalau lelaki menulung kasi sedia tempat kubur itu.”

(R2: Ketua Kampung atau Ketua adat)

Berdasarkan keterangan daripada responden pengkaji dapat mengenalpasti bahawa masyarakat Rungus di kampung Bavanggazo mengamalkan adat berkumpul sebelum jenazah dikebumikan yang mana adat ini dilakukan sebelum upacara pengebumian dilakukan dan keluarga si mati akan memanggil semua ahli keluarga dan penduduk kampung bagi menemani si mati. Selain daripada menemani si mati adat ini juga dilakukan agar dapat meringankan beban keluarga si mati dan dapat menghibur keluarga tersebut. R1 dan R2 iaitu responden dalam kajian ini turut menjelaskan bahawa semasa sehari sebelum si mati dikebumikan penduduk dan ahli-ahli keluarga si mati akan saling bantu-membantu menyempurnakan upacara kematian ini. Sebagai contoh, perkara pertama yang dilakukan dalam adat ini adalah memasak yang mana sebahagian penduduk kampung dan ahli keluarga si mati akan memasak masakan tradisi masyarakat Rungus untuk dihidangkan kepada penduduk kampung. Perkara kedua pula adalah semua ahli keluarga dan penduduk kampung haruslah berada di kediaman si mati. Hal ini dilakukan bagi menemani si mati sehingga selesai upacara pengebumianya.

R1 juga menerangkan bahawa jika berlaku kematian di kampung Bavanggazo maka semua penduduk kampung akan berkumpul di rumah si mati agar si mati tidak berasa kesunyian pergi ke alam selepas kematian. Penduduk kampung dan ahli keluarga si mati akan berkumpul selama satu hari di rumah si mati kerana kebiasannya si mati akan dikebumikan pada keesokan harinya. Adat berkumpul-kumpul telah wujud sejak dari zaman nenek moyang mereka lagi dan masih diamalkan sehingga ke hari ini.

“Ooo..misti datang kalau macam..biasanya kan satu malam..stt..anu dirumah.. Misalnya kan mati hari ini..nanti

bisuk pagi baru kasi kubur.. ooo..itu kami punya adat dari dulu-dulu lagi.”

“Umm..eya sampai sekarang..oo..sampai sekarang itu dik..apabila suda meninggal itu turus begumpul-gumpul dan tulung-menulung juga.”

(R1: Pemilik Rungus Longhouse)

4.3.2 Adat Pigagama

Menurut R6 dan R2 masyarakat Rungus yang menetap di kampung Bavanggazo mengamalkan adat pigagama dan adat ini dilakukan sebelum dan semasa upacara pengebumian dijalankan.

“suda urang meninggal turus kita tulung-tulung kasi kemas-kemas itu barang dia..kalau tempat kami itu dipanggil adat pigagama bilang.. Inai.. Ooo.”...“Kasi kemas barang-barang dia..ooo..semua dia bawa itu Ponulzang dia.

..habis kalau tidak banyak baju..ooo..yang dulu-dulu itu aku cerita..oo..yang dulu..cerita mama saya..ooo..semua baju dia dikemas-kemas..baju saja dan ada itu sudu.”

“Misti ada satu sudu, gelas, dan periuk.”

(R6: Penduduk Kampung)

“Selepas semua orang kampung berkumpul ditempat si mati..naa..siapa-siapalah ahli keluarganya itu..durang kasi kemas barang-barang dia..sama dia bawa itu baju dia.. sama satu sudu dengan satu periuk.. mesti ada ini barang..penting ini.. sababkan kalau kami orang itu mesti kasi sedia semua barang-barang itu.. sabab nanti tiada dipakai kalau disana oleh orang yang mati itu.”

(R2: Ketua adat atau ketua kampung)

Berdasarkan pendapat daripada R6 adat Pigagama adalah adat yang dilakukan sebelum dan semasa upacara pengebumian dijalankan. Hal ini demikian kerana, menurut beliau adat ini dilakukan selepas mendapat khabar berita si mati telah meninggal dunia dan ahli keluarga akan mengemaskan semua barang-barang peribadi si mati seperti “Ponulzang atau pakaian”, aksesori, dan peralatan pinggan mangkuk si mati. Hal ini kerana, masyarakat Rungus akan membawa barang-barang peribadi mereka ke liang lahad untuk dijadikan bekalan untuk si mati dialam lain iaitu alam selepas kematian.

R6 mengatakan bahawa adat ini telah wujud sejak dahulu lagi dan beliau menerangkan bahawa semasa nenek beliau meninggal dunia dia dan ahli keluarga yang lain mengemas barang peribadi milik neneknya untuk dibawa bersama-sama ke liang lahad, mereka percaya bahawa jika barang-barang tersebut tidak disertakan maka si mati tidak akan mempunyai bekalan di alam lain. Manakala, berdasarkan pendapat daripada R2 dapat disimpulkan bahawa selepas semua orang kampung telah berkumpul di kediaman si mati ahli keluarga atau waris median akan menyediakan pakaian, sudu, dan satu periuk untuk dibawa oleh si mati ditempat persemadiannya. Barang-barang tersebut amat penting bagi masyarakat Rungus kerana menurut R2 barang-barang tersebut akan diperlukan oleh si mati dialam lain. Oleh itu, masyarakat Rungus mengamalkan adat kematian ini kerana bagi mereka barang-barang keperluan si mati amat penting untuk disertakan dalam liang lahad si mati dan ahli keluarga haruslah

menyediakan kesemua barang-barang tersebut sebelum upacara pengebumian dilakukan.



Gambar 2: Peralatan Pinggan Mangkuk

Sumber: Kajian Lapangan 2021

4.3.3 Adat Todung

Adat Todung merupakan adat kematian khusus kepada suami atau isteri yang kehilangan salah satunya dan menjadi janda atau duda. Hal ini kerana, adat ini adalah tanda perpisahan diantara keluarga suami atau isteri yang mana jika berlaku kematian diantara salah satunya maka status hubungan suami isteri akan terbatal dengan rasmi. Menurut keterangan daripada responden status hubungan suami isteri akan terputus selepas salah satu diantara mereka telah melaksanakan adat ini iaitu kepada keluarga si mati seperti ibu mertua, bapa mertua, atau jika kedua-duanya telah tiada maka mereka

harus melaksanakan adat ini kepada waris si mati contohnya kakak kepada si mati. Adat ini juga merupakan salah satu tanda bayaran yang harus dilakukan oleh balu si mati agar mereka diperbolehkan dalam mencari pasangan. Terdapat beberapa peralatan yang digunakan dalam menyempurnakan adat ini seperti balu si mati harus menyediakan 1 biji gadul atau salapa yang mana gadul dan salapa adalah peralatan untuk menyimpan sirih.

“Lagi satu kalau adat kami itu...Adat todung..ini adat dikasi kena sama suami isteri..Misalnya kalau si suami itula ba kan kematian isteri..baru mau kawin sama urang lain..naa mesti kasi sempurna dulu ini adat barula buli kawin sama urang lain.. kalau tidak..tidak buli dia kawin.”

(R5: Penduduk Kampung)

“Kalau ada kematian di kampung..kami urang Rungus mengamalkan adat todung.. Adat ini adat untuk yang kematian laki atau bini..kalau laki-laki kematian bini mesti dia buat adat ni..sebabnya supaya dia buli lagi bekawin sama org lain..adat ini dia buat dekat keluarga bininya..macam mamak mentua, bapa mentua, dengan kakak atau abang pun buli.”


“Untuk kasi mula ini adat laki-laki atau bini mesti kasi sedia 1 gadul sama salapa..tapi kalau sekarang ba..buli suda juga guna duit..ikut dari apa juga itu yang diminta oleh keluarga yang mati itu.”

(R3: Penduduk Kampung)



Gambar 3: Gadul

Sumber: Google Image



Gambar 4: Salapa

Sumber: Google Image

4.3.4 Adat Mengasah Parang dan Melontar Batu

Seterusnya, jika berlaku kematian di kampung Bavanggazo masyarakat Rungus akan menjalankan adat mengasah parang dan melontar batu. Menurut R4 adat mengasah parang dan melontar batu dilakukan oleh ahli keluarga si mati yang mana adat ini dilaksanakan untuk membuang perkara-perkara buruk. Keluarga si mati sama ada dari pihak lelaki atau pihak perempuan yang telah berkeluarga atau “Nogiizan” akan mengasah pisau atau parang. Selain itu, keluarga si mati juga akan melontar batu di kawasan rumah si mati yang mana masyarakat Rungus di kampung ini melakukan adat ini bagi menghalau roh-roh jahat atau Rogon. Hal ini kerana, masyarakat Rungus di kampung Bavanggazo mempercayai jika adat ini tidak dilakukan maka roh jahat akan menetap di rumah tersebut. Oleh itu, bagi mengelak gangguan makhluk halus keluarga

si mati haruslah melakukan adat ini dan ia dilakukan sebelum dan selepas upacara pengebumian. Kenyataan ini dinyatakan oleh Encik Abin (2021) seperti:

“Urang Rungus disini ada buat adat mengasah parang sama adat mengumban batu..adat ini dibuat oleh keluarga si mati.. dua-dua belah pihak keluarga juga itu.. sama-sama buat ini adat.. yang nogiizan boo..mesti kasi jalan ini adat..contohnya durang mengasah parang atau pisau supayaa itu roh-roh jahat..atau kalau kami dipanggil Rogon.. supayaa tidak mengacau si mati masa mau dikasi kubur..sama supaya tidak tinggal si Rogon itu dirumah si mati”

“Salain itu,keluarga yang mati mesti mengumban batu di semua keliling rumah si mati.. durang umban batu..pusing-pusing satu rumah itu.. ini bah dibuat supaya si Rogon tidak lagi boo tinggal dirumah..anu baini kalau urang kami sakapkan... supaya tehalau lagi bah semua barang Rogon-rogon itu..aa.”

(R4: Penduduk Kampung)

4.3.5 Adat Menjaga Lubang Kubur

Membuat lubang kubur merupakan perkara wajib untuk dilakukan bagi kebanyakan masyarakat tanpa mengira bangsa dan agama. Semua masyarakat akan membuat lubang kubur untuk tempat persemadian si mati. Menurut R2, masyarakat Rungus mengamalkan adat kematian menjaga lubang kubur.

“Ada lagi adat yang diamalkan oleh urang kampung sini..kalau ada kematian..selepas suda dibuat itu lubang kubur oleh urang-

urang kampung yang menulung.. itu lubang kubur mesti dijaga oleh urang..sampailaa itu urang mati sampai di kuburan..”.

“...Anu..adat ini dibuat supaya roh-roh jahat tidak masuk ditempat kuburan si mati..itulaa mesti dijaga itu tempat.. aaa.”

(R2: Ketua adat atau ketua kampung)

Berdasarkan pendapat daripada responden, dapat disimpulkan bahawa masyarakat Rungus di kampung Bavanggazo mengamalkan adat menjaga lubang kubur. Hal ini kerana, mereka mempercayai bahawa jika lubang kubur tidak dijaga maka roh-roh jahat akan masuk ke dalam lubang kubur dan ini boleh mendatangkan perkara buruk berlaku kepada jasad si mati. Lubang kubur akan dijaga oleh seseorang sehingga si mati sampai ditempat pengebumian. Oleh itu, jika berlaku kematian adat ini akan dilaksanakan oleh masyarakat Rungus.

4.3.6 Adat Membersihkan Diri

Menurut R1 masyarakat Rungus mengamalkan adat membersihkan diri apabila berlaku kematian di kampung Bavanggazo dan adat ini dilakukan selepas upacara pengebumian selesai dijalankan.

“Ooo..selepas suda selesai dikasi kubur..semua keluarga si mati..mesti kasi bersih dulu durang punya badan.. Sababkan inai..tidak kita tau-tau apa yang kita bawa masa di kuburan itu..Kalau tidak kasi bersih..nanti itu Rogon minatai ikut balik pigi rumah..”.

“...Semua orang yang pigi kubur mesti kasi bersih badan durang dulu di sungai..cuci tangan sama kaki..barula buli balik

pigi rumah..kalau kita tidak kasi bersih nanti itu roh-roh jahat ikut itu sampai pigi rumah.. ooo.”

(R1: Pemilik Rungus Longhouse)

Berdasarkan pendapat beliau, masyarakat Rungus di kampung Bavanggazo mengamalkan adat membersihkan diri yang mana adat ini dilakukan selepas upacara pengebumian selesai dijalankan. Hal ini kerana, mereka percaya bahawa jika ahli keluarga dan penduduk kampung yang hadir ke upacara pengebumian tidak membersihkan diri maka roh jahat atau “Rogon Minatai” akan mengikuti mereka pulang ke rumah. Adat membersihkan diri dilakukan di sungai yang berdekatan dan kesemua orang yang hadir semasa upacara tersebut hendaklah membasuh tangan dan kaki di sungai.

4.3.7 Adat Momuot

Seterusnya, menurut R1 dan R2 masyarakat Rungus di kampung Bavanggazo juga mengamalkan *Adat Momuot* yang mana adat ini merupakan salah satu proses untuk menenangkan diri atau menunjukkan rasa kesal akibat pemergian si mati. Adat momuot dilakukan selepas adat membersihkan diri yang mana adat ini dilaksanakan selama 3 hari 3 malam. Namun begitu, adat ini tidak dilakukan oleh semua ahli keluarga si mati mahupun penduduk kampung. Adat momuot hanya dilakukan oleh duda atau balu yang kematian isteri atau suami. Bagi melaksanakan adat ini duda atau balu haruslah berada di dalam rumah dan mereka haruslah menghadap dinding. Masyarakat Rungus memanggil perbuatan ini sebagai “Momuot”.

“Selepas seja pulang dari sungai..adat momuot dibuat oleh laki atau bini yang kematian.”

(R1: Pemilik Rungus Longhouse)

“Adat momuot itu..ooo..adat anu untuk kasi tenang diri sebab suda kematian laki sama bini..Adat ini dibuat selama 3 hari 3 malam..itu laki atau bini yang kematian mesti duduk saja dirumah tidak buli pigi mana-mana..sama durang mesti mengadap dinding dirumah itu seja.”

(R2: Ketua adat atau ketua kampung)

4.3.8 Adat Mongoluvás

Responden yang menerangkan berkaitan dengan *Adat Mongoluvás* terdiri daripada 3 orang responden sahaja. Berikut merupakan pendapat mereka mengenai adat mongoluvás:

“Ooo..oo..selepas suda semua siapkan dik..selepas suda dikubur itu orang mati..turuss kami buat adat mongoluvás untuk bagi penghormatan terakhir la orang bilang bah..”.

“Semua keluarga sama urang kampung begumpul-gumpul dirumah si mati dulu..Ooo..baru semua pigi tempat kubur yang mati itu..Ooo..emm.”

(R1: Pemilik Rungus Longhouse)

“Lepas suda si mati dikasi kubur..urang kami buat..macam kenduri laa bah..sama juga macam urang lain..tapi kalau kami..itu dipanggil adat mongoluvás..ini adat supaya..urang-urang bagi penghormatan dekat orang yang suda mati.”

“Ini adat dikasi jalan oleh bapa sama mamak..sama keluarga-keluarga..urang-urang kampung..pertama sekali boo..semua orang bekumpul dulu dekat rumah si mati..selepas itu..makan-makan...moginum..lepas itu..barula semua jalan dari rumah sampai dikuburan”

“Ada lagi boo..itu laki atau bini yang kematian..mesti memakai dulu baju tradisi kami urang..sebelum pigi tempat kuburan..durang mesti memakai baju tradisi..lepas itu barula pigi tempat yang dikubur..suda sampai semua urang bekumpul..minum-minum arak ditempat kubur si mati..yang lain mengkasi bersih kuburan”

(R2: Ketua adat atau ketua kampung)

“Ada lagi adat kami urang..kalau dulu-dulu sampai la sekarang..kami buat ada buat satu adat..adat mongolovas urang kami panggil..ini adat semua urang mesti bekumpul ditempat kubur si mati.”

(R4: Penduduk Kampung)

Berdasarkan keterangan daripada ketiga-tiga responden dapat diketahui bahawa masyarakat Rungus di kampung Bavanggazo mengamalkan adat mongolovas yang mana adat ini adalah salah satu upacara menghormati tempat persemadian si mati atau kubur si mati. Hal ini kerana, bagi menyempurnakan adat ini semua ahli keluarga si mati dan penduduk kampung akan berkumpul terlebih dahulu dirumah si mati. Kemudian setelah ahli keluarga dan penduduk kampung telah berkumpul, mereka akan menjamu makanan yang telah disediakan oleh tuan rumah dan “Moginum atau minum-

minum arak”. Dalam adat ini kesemua orang yang hadir dibolehkan meminum arak namun dalam kuantiti sedikit.

Selain itu, balu atau duda si mati akan berhias serta memakai pakaian tradisi masyarakat Rugus. Selepas itu, semua ahli keluarga si mati dan penduduk kampung akan melakukan perarakan bermula dari rumah si mati sehinggalah mereka tiba ditempat persemadian dan setelah tiba ditempat tersebut mereka akan melakukan adat mongoluvras yang mana waris mendiang terutama seperti balu atau duda akan membersihkan kuburan si mati lalu mereka akan minum-minuman keras seperti arak atau tuak dikawasan tersebut untuk memberikan penghormatan kepada si mati. Berikut merupakan gambaran adat mongoluvras dijalankan:



Gambar 5: Ahli Keluarga Dan Penduduk Kampung Berkumpul Di Kediaman Si Mati

Sumber: Youtube

UNIVERSITI
MALAYSIA

KELANTAN



Gambar 6: Tetamu Menjamu Makanan Yang Telah Disediakan Oleh Tuan Rumah

Sumber: Youtube



Gambar 7: Balu Si Mati Sedang Berhias

Sumber: Youtube



Gambar 8: Balu Memakai Pakaian Tradisi Masyarakat Rungus

Sumber: Youtube



Gambar 9: Berkumpul Sebelum Ke Kubur Si Mati

Sumber: Youtube

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Gambar 10: Berarak ke kubur si mati

Sumber: Youtube





Gambar 11: Ahli Keluarga Dan Penduduk Kampung Berkumpul Di Kubur Si Mati

Sumber: Youtube



Gambar 12: Penduduk Kampung Meminum Tuak Dikawasan Tapak Perkuburan

Sumber: Youtube

4.4 PANTANG LARANG KEMATIAN DALAM MASYARAKAT RUNGUS

Dalam bahagian ini akan menerangkan pantang larang kematian masyarakat Rungus khususnya yang menetap di kampung Bavanggazo. Seperti yang kita ketahui setiap adat yang diamalkan pasti terselit pantang larang yang harus dituruti oleh seseorang individu.

4.4.1 Tidak Boleh Memukul Gong



Gambar 13: Gong

Sumber Kajian Lapangan



Gambar 14: Pelbagai Jenis Gong

Sumber Perpustakaan Penampang

Menurut R3 dan R1 jika berlaku kematian di kampung Bavanggazo, penduduk kampung dan seluruh ahli keluarga si mati dilarang untuk memukul atau membunyikan gong. Hal ini kerana, gong merupakan salah satu bentuk hiburan bagi masyarakat Rungus dan hal ini juga dilarang agar penduduk kampung dan ahli keluarga si mati menghormati kepergian mendiang. Jika terdapat individu yang melanggar pantang ini maka mereka akan dikenakan sogit atau denda. Namun begitu, denda yang dikenakan adalah mengikut status seseorang seperti jika kanak-kanak yang memukul gong maka denda ringan akan dikenakan kepada kanak-kanak tersebut seperti memberikan seekor ayam kepada keluarga mendiang. Manakala, jika orang dewasa yang memukul gong

sepanjang tempoh berkabung dilaksanakan ia akan dikenakan denda yang berat seperti dia haruslah memberikan seekor vogok atau babi kepada keluarga si mati. Akan tetapi, terdapat kes orang yang melanggar pantang ini dikenakan denda yang lebih ringan daripada memberikan seekor vogok namun ia akan mendapatkan denda setelah ketua adat atau ketua kampung dan ahli keluarga si mati berunding diatas perilakunya. Kenyataan responden berkaitan dengan pantang larang ini adalah seperti berikut:

“Ooo..tidak buli pukul gong..ini..aa..satu minggu..Aii satu minggu..satu bulan...”

“Aaa..satu bulan tidak buli..asal kau..asal kau kana pukul gong..kadang-kadangkan terjadi juga itu..kau kana..anu..oo.”

“Eya..kana sogit..ooo..kau kana putung..sorry aa..eya kana putung juga itu babi.”

“Emm..ooo..kalau kau kasi katuk ini..begini-begini ini..emm..”.

“Semua urang kampung..ooo..semua orang kampung kawasan..macam sini kan..Bavanggazo..jadi tidak buli”

(R1: Pemilik Rungus Longhouse)

“aaa..pantang larang kematian itu..kalau kami..kalau ada urang meninggal ndakk buli kami urang kasi bunyi gong..aa..”.

“Sebabnya..tidak buli kasi pukul gong...sebab kita hormat la bah kan orang mati.”

“Kalau pasal denda..bebeza-beza juga..kalau budak-budak yang melanggar pantang..mesti dia bagi satu ayam sama keluarga orang yang meninggal..kalau orang yang suda besar pula..mesti dia bagi satu babi..tapi ada juga disini yang melanggar pantang dibawa sama ketua kampung sama dibawa pigi keluarga orang mati.”

(R3: Penduduk Kampung)

4.4.2 Orang Luar Tidak Boleh Naik Sembarang Di Kediaman Si Mati

Menurut R1 jika berlaku sebarang kematian dan kenalan mendiang ingin berkunjung ke kediaman si mati untuk memberikan penghormatan buat kali yang terakhir maka mereka haruslah mendapatkan izin atau kebenaran daripada ahli keluarga si mati terlebih dahulu. Hal ini kerana, seseorang kenalan adalah orang luar dan mereka tidak mempunyai status hubungan kekeluargaan. Sebagai contoh, orang luar iaitu selain daripada penduduk kampung yang menetap di kampung Bavanggazo tidak boleh sembarangan datang berkunjung ke kediaman si mati kerana ahli keluarga tidak membenarkan orang yang tidak dikenali untuk naik ke rumah mereka. Namun begitu, pantang ini adalah atas budi bicara keluarga si mati. Sebagai contoh, individu yang datang berkunjung adalah kawan atau kenalan mendiang dan mereka ingin memberikan penghormatan terakhir kepada si mati maka individu tersebut haruslah meminta izin daripada pihak keluarga si mati terlebih dahulu sehingga mereka membenarkan individu tersebut untuk berkunjung. Pihak keluarga akan bertanya terlebih dahulu dari mana asal usul individu yang ingin melawat setelah itu pihak keluarga si mati akan diberikan keizinan untuk mengunjungi mendiang. Pantang ini haruslah dituruti selama satu bulan selepas hari pengebumian si mati.

“Jadi yang kodua ini..yang kodua..yang satu tidak buli pukul gong..yang kodua..urang pun tidak buli..macam..eya kan kamu boo..urang tidak buli sembarangan naik dirumah panjang yang..rumah panjang yang kana ada meninggal.”

“Aaa..memang itu adat dia inai..kalau urang jauh..kalau macam kamu kan..jadi suda kamu disana..itulah kami punya anu itu..kalau kamu naik disini..buli juga..tapi mesti..kamu kana..kana..aa..kana tanya ada orangkan kamu..habis orang dulu-dulukan nai dia tidak..dirumah seja diladang..oo.sikit seja yang ada dirumah..kalau ada anak kecil..jadi kamu kami pun Nampak kamu disana..oii..kami bilang..kamu dari mana?..aa..dari sana kamu bilang..lain kampung..oo..lain kampung dia bilang...kami bah ini kami mau pigi sana rumah si kawan dia bilang”

“Aaa..macam kita punya kawanlaa..oo..kadang-kadang ada yang..ada itu meninggal duniakan..dia punya kewarisan dua tiga hari ataupun 1 minggu baru dia tau meninggal..aa jadi..aa..kami bilang bah...Inda Kodon..naiklah kamu bilang..mesti ada anu dulu..aa..kana terima baru buli naik kalau ada kematian..dalam masa 1 bulan.”

(R1: Pemilik Rungus Longhouse)

4.4.3 Tidak Boleh Mengenakan Pakaian Yang Terlalu Menonjol

Pantang larang ini adalah pantang yang dikenakan kepada suami atau isteri yang kehilangan salah satunya yang mana jika si isteri kehilangan suaminya maka dia tidak boleh memakai baju yang terlalu menonjol. Hal ini kerana, selama tempoh berkabung si isteri haruslah mengenakan pakaian yang sopan dan sesuai dan dia tidak boleh memakai baju yang cantik atau menonjol dimata penduduk kampung dan ahli keluarga

mendiang. Hal ini dilakukan agar si isteri menunjukkan rasa hormat dan rasa kehilangan orang tersayang dan pantang ini juga haruslah dituruti oleh si suami yang kehilangan isteri. Menurut R1 pantang ini haruslah dituruti oleh balu isteri atau balu suami selama tempoh satu bulan.

“Misal kata kalau dia punya bini..oo..jadi selama 1 bulan juga..dia tidak buli pakai baju yang..pakaian yang kalau ada santik-santik..tidak buli juga..itu juga baju dia..masih lagi masam dia..oo..berkabung..berkurung-kurung dulu dibilik”

(R1: Pemilik Rungus Longhouse)

4.4.4 Tidak Boleh Berkahwin Selama Tempoh Berkabung

Menurut R1 jika balu isteri atau si suami kehilangan diantara salah satunya maka mereka tidak boleh berkahwin semula dengan pasangan yang baru sepanjang tempoh berkabung dijalankan. Hal ini kerana, pantang larang ini dilakukan bagi menghormati mendiang dan jika mereka telah mendapat pasangan hidup yang lain maka si balu mendiang haruslah menunggu sampai tempoh berkabung tamat. Kebiasaannya, masyarakat Rungus menjalankan tempoh berkabung selama sebulan. Oleh itu, balu mendiang akan dibolehkan untuk berkahwin lain apabila tempoh berkabung tamat kerana si balu telah bebas daripada tempoh ini.

“Ooo..ada lagi.. kalau dia punya bin ikan inai mau berkahwin..oo..aa..jadinya selama satu bulan juga itu..oo..tidak buli kawin..memang ini laini dari dulu-dulu lagi..oo..tidak buli berkahwin.”

(R1: Pemilik Rungus Longhouse)

4.4.5 Harus Berkurung Di Bilik

Berdasarkan pendapat R1 berkaitan pantang larang kematian dalam masyarakat Rungus, balu atau dua yang kehilangan isteri atau suami tidak boleh keluar daripada rumah. Hal ini kerana, balu atau duda tersebut haruslah berada di dalam bilik sepanjang tempoh berkabung dilaksanakan yang mana mereka haruslah mengurungkan diri di dalam bilik selama 1 bulan. Namun begitu, balu atau duda yang kehilangan hanya boleh keluar daripada bilik atau rumah untuk ke ladang. Duda atau balu tidak dibenarkan keluar untuk tujuan bersiar-siar yang mana mereka hanya dibenarkan keluar untuk ke ladang sahaja. Jika pekerjaan diladang telah selesai dilakukan mereka dikehendaki untuk terus pulang ke rumah tanpa merayau ke tempat lain dan mereka juga boleh keluar daripada bilik untuk tolong memasak di dapur. Pantang larang ini telah ada sejak dahulu lagi dan sehingga kini jika berlaku kematian di kampung Bavanggazo penduduknya terutama sekali duda atau balu haruslah berkurung di dalam bilik.

“Ooo..berkurung-kurung dulu di bilik..masam memang itulah kebiasaan kami..oo..dalam masa 1 bulan..oo..sana-sana di bilik.”


“Oo..aa..buli juga..buli jugalah tapi..memang pantang larang dia tidak buli kau jalan sana sini..memang sana-sana laa..kalau dia suda keluar di bilik dia pigi ladang..begitu-begitu..aa..begitu seja itu..emm.”

“Tiada..tidak buli juga..masak-masak pun buli juga..sama itu dia pigi..buli juga pigi ladang..ooo..tapi kalau dia di bilikkan kalua dia keluar terus pigi ladang..habis kita sendiri pun tidak lagi mau berkawan-kawan boo..sampai sekarang juga..oo.”

(R1: Pemilik Rungus Longhouse)

4.5 PRAKTIS ATAU PROSES UPACARA KEMATIAN YANG DIAMALKAN OLEH MASYARAKAT RUNGUS

Bahagian ini akan menerangkan praktis atau proses upacara kematian yang diamalkan oleh masyarakat Rungus khususnya yang menetap di kampung Bavanggazo. Teori fungsionalisme akan digunakan bagi menjelaskan upacara kematian yang diamalkan oleh masyarakat Rungus iaitu upacara sebelum, semasa, dan selepas pengebumian dilakukan. Berikut merupakan carta aliran proses upacara pengebumian:



Rajah 4: Aliran Proses Upacara Pengebumian

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

4.5.1 Praktis Atau Proses Upacara Kematian Sebelum Pengebumian

Hasil tinjauan tembuial bersama responden yang terdiri daripada beberapa penduduk kampung Bavanggazo terdapat beberapa upacara yang dilakukan dan diamalkan oleh masyarakat Rungus. Antaranya ialah:

i) Pongupuan Tadat

“*Pongupuan tadat*” merupakan pengumuman atau perintah yang akan dikeluarkan oleh ketua adat atau ketua kampung kepada balu atau suami yang kematian isteri. Hal ini kerana, pogupuan tadat dilakukan agar balu atau suami yang kehilangan isteri tersebut dapat mengetahui perkara-perkara yang tidak boleh dilakukan oleh mereka semasa hari pengebumian dan perkara yang tidak boleh dilakukan sehingga tempoh berkabung tamat. Kebiasannya, ketua adat akan bertemu dengan balu atau suami yang kehilangan isteri untuk memaklumkan pantang larang yang harus dituruti oleh mereka. Sebagai contoh, ketua adat akan memberitahu kepada isteri atau suami yang kematian diantara salah satunya bahawa selagi tempoh berkabung belum selesai mereka tidak boleh berkahwin dengan pasangan lain kecuali mereka telah bebas daripada tempoh berkabung yang telah ditetapkan iaitu selama satu bulan selepas hari pengebumian dijalankan.

ii) Mengemas Barang Peribadi Si Mati

Jika berlaku kematian, waris si mati samada ibu, bapa, adik, kakak, abang, balu, atau suami yang kehilangan isteri akan menyediakan atau mengemaskan barang-barang peribadi mendiang. Hal ini kerana, selepas ahli keluarga si mati mendapat khabar berita kematian kebiasaanya mereka akan menyediakan sebahagian barang-barang keperluan peribadi si mati seperti baju-baju si mati, peralatan pinggan mangkuk, dan periuk. Hal ini dilakukan kerana masyarakat Rungus khususnya yang menetap di kampung Bavanggazo percaya bahawa si mati akan memerlukan barang peribadi tersebut dalam

selepas kematian dan barang-barang tersebut akan disertakan di tempat persemadian si mati yang mana kesemua barang tersebut akan disusun di sekeliling tubuh si mati. Barang-barang peribadi tersebut adalah berbeza-beza mengikut jantina si mati.

iii) Menggali Lubang Kubur

Setelah mendapat berita kematian, penduduk kampung akan membantu keluarga si mati menyediakan tempat persemadian terakhir mendiang. Hal ini kerana, setiap kaum mempunyai tempat persemadian terakhir mereka dan hal ini juga berlaku bagi masyarakat Rungus yang mana si mati akan ditanam disatu tempat yang dikhaskan untuk pengebumian. Ahli keluarga akan berunding dengan ketua adat mengenai tempat yang akan digali kerana ketua adat bertanggungjawab dengan semua perkara yang berkaitan dengan penduduk kampung. Oleh itu, ahli keluarga haruslah berunding dengan ketua adat terlebih dahulu.

iv) Menyediakan Keranda

Jika berlaku kematian dalam kalangan masyarakat Rungus yang menetap di kampung Bavanggazo ahli keluarga si mati akan menyediakan keranda. Hal ini kerana, bagi masyarakat Rungus keranda merupakan hal yang wajib dalam upacara kematian dan keranda juga adalah tempat istirehat untuk si mati. Ahli keluarga akan menempah keranda dari orang yang mahir dalam pembuatan keranda. Keranda yang dipilih akan dihiasi dengan kain sebagai lapis untuk tempat istirehat si mati.



Gambar 15: Keranda

Sumber: Google Image

4.5.2 Praktis Atau Proses Upacara Kematian Semasa Pengebumian

Dalam bahagian ini akan menerangkan beberapa praktis atau proses upacara pengebumian bagi masyarakat Rungus yang menetap di kampung Bavanggazo. Antaranya ialah:

i. Memandikan Jenazah

Selepas barang-barang keperluan si mati telah disediakan oleh ahli keluarga atau waris mendiang, si mati akan dibersihkan oleh warisnya. Hal ini kerana, jika berlaku kematian dalam masyarakat Rungus di kampung Bavanggazo kebiasannya mereka tidak akan memandikan jasad si mati namun mereka hanya akan membersihkan si mati menggunakan tuala basah sahaja. Hal ini kerana, bagi masyarakat Rungus memandikan jasad si mati merupakan hal yang tidak wajib untuk dilaksanakan.

ii. Memakaikan Baju Persalinan Terakhir Si Mati

Selepas si mati telah dibersihkan oleh ahli keluarga atau waris, si mati akan dipakaikan baju yang telah disediakan khusus untuk si mati. Menurut Puan Rose

(2021) setiap penduduk kampung yang menetap di kampung Bavanggazo akan menyediakan pakaian terakhir mereka terlebih dahulu kerana mereka takut tidak dapat memakai pakaian yang diinginkan jika berlaku sesuatu perkara buruk seperti kematian. Biasanya mereka akan memberitahu waris berkaitan dengan pakaian yang hendak digunakan semasa hari kematian mereka.

a) Pakaian Lelaki




Gambar 16: Baju Tradisi Lelaki Etnik Rungus

Sumber: Kajian Lapangan, 2021



Gambar 17: Tanjak Atau Sigal

Sumber Kajian Lapangan, 2021



Gambar 18: Pakaian Lengkap Lelaki Tradisi Etnik Rungus

Sumber: Google Image

b) Pakaian Perempuan


Gambar 19: Pakaian Wanita Tradisi Etnik Rungus

Sumber: Kajian Lapangan, 2021



Gambar 20: Linongkisan Atau Tapi-Tapi

Sumber Kajian Lapangan, 2021



Gambar 21: Pakaian Lengkap Wanita Tradisi Etnik Rungus

Sumber: Google Image

i. Diusung Ke Kuburan

Selepas si mati telah dipakaikan baju persalinan yang terakhir ahli keluarga, penduduk kampung, dan kenalan si mati akan memberikan penghormatan yang terakhir terlebih dahulu sebelum si mati dihantar ke tempat persemadiannya yang mana si mati akan dimasukkan ke dalam keranda yang telah dipilih kemudian ahli keluarga akan memberikan kata-kata terakhir kepada mendiang di tanah perkuburan. Setelah semuanya sudah memberikan penghormatan terakhir mereka kepada si mati warisnya akan mengusung si mati ketempat persemadiannya iaitu seramai 10 orang waris yang akan mengusung mayat si mati dan mereka terdiri daripada golongan lelaki sahaja.

4.5.3 Praktis Atau Proses Upacara Kematian Selepas Pengebumian

Dalam bahagian ini akan menerangkan beberapa praktis atau proses upacara selepas pengebumian dijalankan bagi masyarakat Rungus yang menetap di kampung Bavanggazo. Antaranya ialah:

i. Upacara Mongukas atau Lumuvas

Setelah selesai semua upacara pengebumian dijalankan ahli keluarga dan penduduk kampung akan menyiapkan pelbagai barang-barang keperluan untuk upacara ini. Upacara Mongukas atau Lumuvas merupakan upacara memperingati si mati dan upacara ini wajib dilakukan oleh waris mendiang. Dalam upacara ini ahli keluarga akan menyediakan 1 ekor babi “Manapak” atau babi yang bersaiz besar yang mana babi tersebut akan disembelih untuk dijadikan persembahan. Ketua adat atau Bobolizan (Dukun) akan menjalankan ritual ini. Upacara Mongukas atau Lumuvas akan dijalankan selama 3 hari selepas pegebumian si mati. Semua penduduk kampung akan berkumpul di rumah si mati iaitu di rumah panjang untuk membantu ahli keluarga si mati seperti menolong memasak untuk dihidangkan kepada tetamu yang datang. Dalam erti kata lain upacara Mongukas atau Lumuvas adalah kenduri kesyukuran.

4.6 PERBEZAAN ANTARA ADAT KEMATIAN MASYARAKAT RUNGUS PADA MASA KINI DENGAN MASYARAKAT RUNGUS PADA ZAMAN DAHULU

Berdasarkan hasil tinjauan temubual dan hasil dpatan kajian kepustakaan yang dilakukan oleh pengkaji terdapat beberapa perbezaan adat kematian diantara masyarakat Rungus pada masa kini dengan masyarakat Rungus pada zaman dahulu. Antaranya ialah:

4.6.1 Adat Berkumpul

| Nama Adat | Masyarakat Rungus pada masa kini | Masyarakat Rungus pada zaman dahulu |
|----------------|---|---|
| Adat Berkumpul | Ahli keluarga akan berkumpul di gereja untuk menemani si mati | Ahli keluarga dan penduduk kampung berkumpul di kediaman si mati dan melakukan aktiviti masak-memasak |

Jadual 4.2: Perbezaan Adat Bekumpul Masyarakat Rungus

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Berdasarkan jadual di atas dapat dilihat bahawa adat kematian dalam masyarakat Rungus mengalami perubahan akibat daripada peredaran masa dan juga kepercayaan agama. Hal ini kerana, masyarakat Rungus pada masa sekarang akan berkumpul di gereja untuk menemani si mati yang mana semua ahli keluarga dan penduduk kampung akan memberi penghormatan terakhir mereka di gereja sebelum si mati dikebumikan. Manakala, pada zaman dahulu jika berlaku kematian masyarakat Rungus akan berkumpul di kediaman si mati dan penduduk kampung serta ahli keluarga si mati yang lain akan saling tolong-menolong menyediakan makanan untuk para tetamu yang datang berkunjung untuk memberikan penghormatan terakhir mereka. Oleh itu, dapat dilihat bahawa kemasukan pengaruh agama dalam kehidupan masyarakat Rungus telah memberi kesan dalam adat-adat yang diamalkan oleh mereka seperti dalam adat kematian iaitu adat berkumpul.

4.6.2 Adat Pigagama

| Nama Adat | Masyarakat Rungus pada masa kini | Masyarakat Rungus pada zaman dahulu |
|---------------|---|---|
| Adat Pigagama | Sebelum meninggal masyarakat Rungus telah menyediakan barang peribadi mereka dan mewasiatkan kepada waris untuk dibawa bersama di liang lahad | Dilakukan setelah mendapat khabar berita si mati telah meninggal dunia. |

Jadual 4.3: Perbezaan Adat Pigagama Masyarakat Rungus

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Seterusnya, masyarakat Rungus pada zaman dahulu melakukan adat pigagama setelah mendapat khabar berita si mati telah meninggal dunia yang mana setelah mendapat tahu bahawa ada kematian yang berlaku dalam kalangan ahli keluarga mereka, waris mendiang akan mengemas barang-barang peribadi atau barang yang digunakan oleh si mati semasa hidupnya untuk disertakan di dalam liang lahad si mati. Namun begitu, masyarakat Rungus pada masa kini melakukan adat ini sebelum mereka mendapat berita kematian yang mana sebelum meninggal dunia masyarakat Rungus telah menyediakan barang-barang peribadi yang ingin dibawa oleh mereka jika mereka meninggal nanti dan mereka akan mewasiatkan barang-barang tersebut kepada waris mereka untuk dibawa bersama semasa jasad mereka dikebumikan. Hal ini kerana, bagi mereka kematian itu merupakan hal yang pasti. Oleh itu, masyarakat Rungus pada masa kini menyediakan lebih awal barang-barang yang mereka gunakan untuk keperluan akan datang.

4.6.3 Adat Todung

| Nama Adat | Masyarakat Rungus pada masa kini | Masyarakat Rungus pada zaman dahulu |
|-------------|--|---|
| Adat Todung | Duda atau balu boleh berkahwin tanpa menunggu tempoh berkabung tamat dengan membayar sejumlah wang kepada ibu atau bapa mendiang | Duda atau balu hendaklah menunggu tempoh berkabung selesai untuk memutuskan hubungan dengan keluarga mendiang atau ingin berkahwin lain dengan menyediakan 1 biji gadul atau salapa |

Jadual 4.4: Perbezaan Adat Todung Masyarakat Rungus

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Berdasarkan jadual di atas dapat dilihat bahawa masyarakat Rungus pada masa kini mengamalkan adat todung dengan cara yang berbeza dengan adat todung yang telah dilakukan oleh masyarakat Rungus pada zaman dahulu. Hal ini kerana, seperti yang diketahui adat todung merupakan syarat cerai mati atau meminta kebenaran daripada pihak keluarga seperti ibu bapa si mati sama ada daripada pihak mendiang lelaki atau mendiang perempuan untuk membolehkan balu atau duda yang kehilangan berkahwin semula. Oleh sebab itu, masyarakat Rungus pada masa kini terutama bagi duda atau balu boleh berkahwin semula tanpa menunggu tempoh berkabung tamat iaitu lazimnya adalah selama 1 bulan yang mana balu atau duda boleh membayar sejumlah wang kepada ibu bapa mendiang namun jumlah wang yang akan diberikan adalah mengikut permintaan daripada ibu atau bapa mertua duda atau balu tersebut. Jika duda atau balu

telah selesai melaksanakan adat ini maka secara langsung hubungan pertalian antara menantu dan mertua akan terbatal. Manakala, masyarakat Rungus pada zaman dahulu melaksanakan adat ini terutama sekali bagi duda dan balu hendaklah menunggu tempoh berkabung selesai untuk memutuskan hubungan dengan keluarga mendiang atau ingin berkahwin dengan orang lain yang mana balu atau duda tersebut haruslah menyediakan 1 biji gadul atau salapa. Hal ini kerana, masyarakat Rungus pada zaman dahulu amat menitikberatkan adat dan pantang larang dalam kehidupan mereka dan masyarakat Rungus haruslah menunggu tempoh berkabung selesai barulah boleh melaksanakan adat ini.

4.6.4 Adat Mengasah Parang dan Melontar Batu

| Nama Adat | Masyarakat Rungus pada masa kini | Masyarakat Rungus pada zaman dahulu |
|--|--|---|
| Adat Mengasah Parang dan Melontar Batu | Masyarakat Rungus tidak lagi mengamalkan adat ini kerana mereka telah mempunyai pegangan agama | Ahli keluarga si mati yang Nogiizan akan mengasah pisau atau parang dan mereka akan melontarkan batu di kawasan rumah untuk menghalau roh jahat |

Jadual 4.5: Perbezaan Adat Mengasah Parang dan Melontar Batu
Masyarakat Rungus

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Seterusnya, masyarakat Rungus pada masa kini tidak lagi mengamalkan adat mengasah parang dan melontar batu. Hal ini kerana, masyarakat Rungus telah mula menerima pengaruh agama sejak penjajahan kuasa luar seperti penjajahan British di

tanah Borneo yang mana penjajah telah menyebarkan agama Kristian kepada masyarakat setempat dan sehingga kini masyarakat Rungus telah mempunyai agama dan kepercayaan. Pengaruh agama telah memberi kesan terhadap adat kematian masyarakat Rungus seperti perubahan adat mengasah parang dan melontar batu yang mana masyarakat Rungus tidak lagi percaya dengan perkara-perkara tahyul atau kepercayaan karut. Manakala, masyarakat Rungus pada zaman dahulu mengamalkan adat ini yang mana mereka melakukan adat ini bagi menghalau roh-roh jahat atau yang dipanggil sebagai “Rogon Minatai”. Bagi melaksanakan adat ini ahli keluarga si mati yang suda “Nogiizan atau telah berkeluarga akan mengasah parang atau pisau dan mereka akan melontarkan batu di sekeliling kawasan rumah untuk menghalau roh jahat agar tidak mengganggu ketenteraman si mati dan rumah kediamannya.

4.6.5 Adat Menjaga Lubang Kubur

| Nama Adat | Masyarakat Rungus pada masa kini | Masyarakat Rungus pada zaman dahulu |
|---------------------------|---|---|
| Adat Menjaga Lubang Kubur | Masyarakat Rungus akan menjaga lubang kubur sehingga si mati sampai ke tempat pengebumian | Tidak menjaga lubang kubur kerana mereka menggunakan ‘Tajau’ sebagai tempat pengebumian |

Jadual 4.6: Perbezaan Adat Menjaga Lubang Kubur

Masyarakat Rungus

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Membuat lubang kubur merupakan perkara yang wajib dilakukan semasa kematian berlaku dan masyarakat Rungus mengamalkan adat menjaga lubang kubur semasa proses pengebumian dijalankan. Namun, terdapat perbezaan terhadap adat ini

yang mana pada masa sekarang masyarakat Rungus harus menjaga lubang kubur si mati sehingga jenazah si mati diletakkan ke dalam lubang tersebut untuk dikebumikan. Masyarakat Rungus menjaga lubang kubur si mati agar roh-roh jahat tidak masuk dan menetap di dalam lubang kubur tersebut. Akan tetapi, masyarakat Rungus pada zaman dahulu tidak menjaga lubang kubur si mati kerana proses pengebumian masyarakat Rungus pada zaman dahulu tidak menggunakan keranda dan ditanam di dalam tanah. Hal ini kerana, masyarakat Rungus pada zaman dahulu menggunakan “Tajau” atau lebih dikenali sebagai tembikar yang bersaiz besar untuk mengebumikan si mati. Oleh itu, masyarakat Rungus pada masa kini dan masyarakat Rungus pada zaman dahulu mengamalkan adat ini dengan cara yang berbeza-beza. Berikut merupakan gambaran perbezaan adat menjaga lubang kubur bagi masyarakat Rungus:



Gambar 22: Perbezaan Adat Menjaga Lubang Kubur

Sumber: Google Image

4.6.6 Adat Membersihkan Diri

| Nama Adat | Masyarakat Rungus pada masa kini | Masyarakat Rungus pada zaman dahulu |
|------------------------|---|--|
| Adat Membersihkan Diri | Masyarakat Rungus membersihkan diri di kediaman mereka kerana perubahan zaman dan teknologi | Masyarakat Rungus pada zaman dahulu hendaklah ke sungai berdekatan untuk membasuh tangan dan kaki. |

Jadual 4.7: Perbezaan Adat Membersihkan Diri Masyarakat Rungus

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Berdasarkan jadual di atas adat membersihkan diri telah berubah akibat daripada kecanggihan teknologi dan perubahan zaman. Hal ini kerana, masyarakat Rungus pada masa kini mengamalkan adat membersihkan diri di kediaman masing-masing yang mana selepas pulang daripada tempat pengebumian ahli keluarga si mati dan penduduk kampung yang hadir semasa upacara pengebumian akan membersihkan diri mereka di dalam bilik mandi. Kecanggihan teknologi yang tinggi pada masa kini telah memberi kesan terhadap kehidupan masyarakat kerana setiap rumah akan dibekalkan sistem perairan melalui saluran paip yang dihubungkan secara langsung ke rumah-rumah penduduk. Oleh itu, kewujudan sistem perairan ini telah menyebabkan masyarakat Rungus membersihkan diri mereka di rumah dan tidak lagi pergi ke sungai yang berdekatan untuk membersihkan diri. Manakala, masyarakat Rungus pada zaman dahulu melakukan adat ini di sungai-sungai yang berdekatan yang mana selepas pengebumian selesai dilakukan mereka akan membasuh kaki dan tangan di sungai sebelum pulang ke rumah. Hal ini kerana, masyarakat Rungus pada zaman dahulu mempercayai bahawa jika mereka tidak membersihkan diri selepas upacara pengebumian maka roh-roh jahat akan mengikut mereka balik ke rumah. Oleh sebab

itu, kecanggihan teknologi dan perubahan peredaran masa telah memberi kesan terhadap adat membersihkan diri dalam adat kematian yang diamalkan oleh masyarakat Rungus.

4.6.7 Adat Momuot

| Nama Adat | Masyarakat Rungus pada masa kini | Masyarakat Rungus pada zaman dahulu |
|-------------|---|---|
| Adat Momuot | Duda atau balu hendaklah berada di dalam bilik selama sebulan | Duda atau balu haruslah melaksanakan adat ini selama 3 hari 3 malam dengan berada di dalam rumah sambil menghadap dinding |

Jadual 4.8: Perbezaan Adat Momuot Masyarakat Rungus

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Adat Momut telah wujud sejak zaman nenek moyang lagi yang mana adat ini merupakan adat untuk menunjukkan rasa kesal akibat kehilangan orang yang tersayang dan merupakan salah satu proses untuk menenangkan diri. Adat ini hanya dilakukan oleh balu atau duda yang kematian isteri atau suami yang mana masyarakat Rungus pada masa kini melaksanakan adat ini selama satu bulan dan balu atau duda haruslah berada di dalam bilik sepanjang adat ini dijalankan. Manakala, masyarakat Rungus pada zaman dahulu melaksanakan adat momuot selama 3 hari 3 malam sahaja yang mana duda atau balu haruslah berada di dalam rumah dan mereka juga haruslah menghadap dinding. Oleh itu, adat momuot telah berubah dalam kehidupan masyarakat Rungus namun maksud dan tujuan adat ini masih sama walaupun cara dan proses adat ini dilakukan berbeza.

4.6.8 Adat Mongoluvras

| Nama Adat | Masyarakat Rungus pada masa kini | Masyarakat Rungus pada zaman dahulu |
|------------------|--|--|
| Adat Mongoluvras | Adat ini dilakukan selepas upacara pengebumian dan ahli keluarga dan penduduk kampung berkumpul di kuburan si mati dengan meminum arak atau wain | Adat ini dilakukan sebelum upacara pengebumian iaitu selepas dua hari kematian. Tajau akan diletakkan di tengah rumah dan ahli keluarga akan berkumpul untuk meratapi pemergian si mati. |

Jadual 4.9: Perbezaan Adat Mongoluvras Masyarakat Rungus

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Berdasarkan jadual di atas dapat dilihat bahawa adat kematian yang diamalkan oleh masyarakat Rungus mempunyai perbezaan dari segi cara melaksanakan adat ini. Hal ini kerana, masyarakat Rungus pada masa kini melakukan adat mongoluvras selepas upacara pengebumian si mati selesai dijalankan. Ahli keluarga si mati dan penduduk kampung akan berkumpul di kediaman si mati terlebih dahulu sebelum melakukan perarakan ke kuburan si mati. Setelah tiba di tempat kubur si mati ahli keluarga akan membersihkan tempat persemadian si mati lalu mereka akan minum-minuman keras di sekitar kubur tersebut bagi memberikan penghormatan untuk si mati. Manakala, masyarakat Rungus pada zaman dahulu melakukan adat ini sebelum upacara pengebumian dijalankan iaitu selepas 2 hari 2 malam tempoh si mati telah meninggal dunia yang mana masyarakat Rungus pada zaman dahulu akan meletakkan “Tajau”

ditengah-tengah rumah si mati dan ahli keluarga akan berkumpul untuk meratapi pemergian si mati. Oleh itu, perubahan zaman telah menyebabkan cara dan proses adat ini dilaksanakan berbeza daripada sebelumnya.

4.7 Perubahan Penggunaan Keranda

| Jenis Keranda | Kegunaan Keranda Pada Zaman: |
|--|---|
|  | <p>Keranda jenis Tajau atau tembikar berukuran besar telah digunakan semasa zaman dahulu iaitu zaman nenek moyang masyarakat Rungus yang mana si mati akan dimasukkan ke dalam Tajau sebagai tempat persemadiannya.</p> |
|  | <p>Keranda jenis kayu telah digunakan bermula pada tahun 60-90-an oleh masyarakat Rungus. Kebiasaanya keranda diperbuat daripada kulit kayu timbagan.</p> |

MALAYSIA
KELANTAN



Keranda jenis moden atau peti mati telah digunakan pada masa kini oleh masyarakat Rungus.

Jadual 4.10: Perubahan Penggunaan Keranda

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Berdasarkan jadual di atas, penggunaan keranda yang digunakan oleh masyarakat Rungus adalah berbeza-beza yang mana terdapat tiga jenis keranda yang digunakan oleh mereka untuk menguburkan jasad si mati iaitu keranda jenis “Tajau”, keranda kayu, dan keranda moden yang dikenali sebagai peti mati.

4.8 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, adat kematian masyarakat Rungus masih diamalkan oleh penduduk kampung Bavanggazo sehingga ke hari ini. Hal ini kerana, bagi masyarakat Rungus sesuatu adat amat penting dalam konteks kehidupan mereka yang mana mereka percaya bahawa jika mereka melakukan adat-adat yang ada kehidupan mereka akan lebih tenteram dan harmoni tanpa ada sebarang kemusnahan yang berlaku. Selain itu, masyarakat Rungus sangat menjunjung tinggi adat dan kemurnian kehidupan yang harmoni serta menghormati pantang larang yang mana semua perkara yang dilakukan oleh masyarakat Rungus mengambil kira persoalan adat dan kepercayaan tradisional. Bagi masyarakat Rungus, adat dan pantang larang telah menjadi alat untuk mengawal sosial, perpaduan dan alat penghubung silaturahim yang dapat menyerlahkan jati diri mereka sebagai pengamal budaya yang amat berpengaruh kepada generasi seterusnya.

Seterusnya, masyarakat Rungus juga mempunyai proses atau cara untuk menguruskan jenazah si mati yang mana ianya terdiri daripada tiga proses iaitu sebelum, semasa, dan selepas upacara pengebumian. Sebelum melakukan upacara pengebumian masyarakat Rungus akan melaksanakan “Pogupuan Tadat”, mengemas barang-barang peribadi si mati, menggali kubur, dan menyediakan keranda. Selepas itu, barulah jenazah si mati dimandikan atau dibersihkan dan dipakaikan dengan baju persalinan terakhir si mati lalu setelah siap penduduk kampung dan ahli keluarga akan mengusung jenazah si mati sehingga ke tempat pengebumian. Setelah upacara pengebumian selesai dijalankan ahli keluarga si mati akan mengadakan upacara mongukas atau Lumuvas.

Selain itu, adat-adat kematian dalam masyarakat Rungus telah diamalkan sejak dahulu lagi namun terdapat perubahan dan perbezaan dari segi cara mereka melaksanakan adat kematian ini. Hal ini kerana, perubahan zaman dan teknologi dunia yang semakin canggih telah memberi kesan terhadap adat-adat kematian yang diamalkan oleh masyarakat Rungus dan pengaruh agama juga telah menjadi salah satu faktor yang mendorong dalam perbezaan adat kematian ini dilaksanakan.

Oleh itu, adat dan pantang larang dalam kematian telah menjadi panduan dan peraturan dalam kehidupan masyarakat Rungus di kampung Bavanggazo. Mereka masih mengamalkan sesetengah daripada adat-adat kematian yang telah diturunkan oleh nenek moyang mereka.

BAB V

PENUTUP

5.1 PENGENALAN

Dalam bab ini pengkaji menghuraikan dan merumuskan berkaitan dengan kajian yang dilakukan secara ringkas dan menyeluruh serta dalam bab ini juga pengkaji mengutarakan beberapa cadangan yang boleh diambil bagi mengekalkan warisan tradisi yang telah diamalkan dari generasi ke generasi iaitu seperti fokus kajian ini berkaitan dengan ‘Adat dan Pantang Larang Kematian Dalam Masyarakat Rungus di Kampung Bavanggazo, Kudat, Sabah. Oleh itu, dengan adanya kajian seperti ini dapat membantu sedikit sebanyak dalam memberikan maklumat berkaitan dengan kajian ini kepada masyarakat dan menjadi rujukan kepada penyelidik yang lain.

5.2 PERBINCANGAN

Bahagian ini akan menerangkan dan menyimpulkan hasil dapatan-dapatan berhubung dengan kajian pengkaji iaitu Adat dan Pantang Larang Kematian Dalam Masyarakat Rungus kajian kes di Kampung Bavanggazo, Kudat. Perbincangan mengenai hasil dapatan kajian dilihat berdasarkan analisis data objektif kajian pengkaji yang merangkumi kepada tiga objektif seperti yang telah dinyatakan dalam bab sebelum ini iaitu di bab IV.

Berdasarkan kajian yang dilakukan, pengkaji telah mengenalpasti adat dan pantang larang kematian yang diamalkan oleh masyarakat Rungus khususnya bagi mereka yang menetap di kampung Bavanggazo. Hal ini kerana, masyarakat Rungus

mengamalkan beberapa adat kematian dalam budaya kehidupan mereka seperti adat berkumpul-kumpul, adat Pigagama, dan adat Todung. Bagi pantang larang dalam kematian pula, jika berlaku sebarang kematian dalam kalangan penduduk kampung maka mereka tidak boleh melakukan perkara-perkara yang dilarang seperti tidak boleh memukul atau membunyikan gong semasa proses upacara dan selepas proses upacara selesai iattu sepanjang tempoh berkabung dilaksanakan. Selain itu, penduduk kampung juga tidak boleh naik atau datang berkunjung sembarangan di kediaman si mati dan ahli keluarga dan penduduk kampung tidak boleh mengenakan pakaian yang terlalu menonjol sepanjang upacara kematian dijalankan serta balu atau suami yang kematian isteri tidak boleh berkahwin selama tempoh berkabung dijalankan. Oleh itu, bagi masyarakat Rungus sesuatu adat dan pantang larang adalah penting dan hal ini telah menjadi salah satu penduan dan undang-undang dalam kehidupan mereka dan jika terdapat individu yang melanggar pantang maka akan dikenakan 'Sogit atau denda'.

Objektif kedua kajian ini ialah mengkaji praktis atau proses upacara kematian yang diamalkan oleh masyarakat Rungus di kampung Bavanggazo. Pengkaji telah melakukan kajian lapangan bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan objektif ini yang mana pengkaji telah menemubual beberapa responden yang terdiri daripada penduduk kampung Bavanggazo, pengkaji mendapati bahawa terdapat tiga proses pengebumian yang dilakukan oleh mereka iaitu proses sebelum, semasa, dan selepas upacara pengebumian. Sebelum upacara pengebumian dilakukan penduduk kampung akan melakukan 'Pogupuan Tadat' atau pengumuman berita kematian terlebih dahulu dan proses ini diketuai oleh ketua adat atau ketua kampung. Selain itu, waris si mati akan mengemas barang-barang peribadi si mati seperti pinggan mangkuk, periuk, baju, dan aksesori untuk disertakan di dalam kubur si mati. Hal ini kerana, masyarakat Rungus percaya bahawa si mati akan memerlukan barang-barang tersebut di alam lain. Bagi proses semasa upacara pula, ahli keluarga atau waris si mati akan membersihkan si mati terlebih dahulu selepas itu waris akan memakaikan baju persalinan terakhir yang telah diwasiatkan kepada si mati. Setelah proses membersihkan dan menyiapkan selesai, si mati akan diusung ke kuburan oleh 10 orang ahli keluarga. Manakala, bagi proses upacara selepas pengebumian pula ialah masyarakat Rungus akan melakukan upacara 'Mongukas atau Lumuvas' yang mana upacara ini bagi memperingati si mati.

Dalam upacara ini ahli keluarga akan menyediakan 1 ekor babi 'manapak' untuk dijadikan hpersembahan.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji analisis menunjukkan tidak banyak perubahan dari segi adat dalam kematian masyarakat Rungus. Hal ini kerana, mereka masih lagi menerapkan dan mengamalkan adat-adat tersebut sehingga ke hari ini kerana bagi mereka sesuatu adat amat penting dalam kehidupan sehari-harian sebagai panduan bagi melakukan sesuatu perkara. Oleh itu, mereka mengamalkan adat kematian sehingga ke hari ini. Namun begitu, dari segi penggunaan keranda masyarakat Rungus pada zaman dahulu menggunakan 'Tajau atau tembikar' sebagai tempat persemadian terakhir si mati. Selepas itu, pada tahun 60-90an keranda yang digunakan telah berubah kepada keranda jenis kayu yang mana masyarakat Rungus di kampung Bavanggazo biasanya memilih keranda yang diperbuat daripada kulit kayu timbangan. Manakala, pada masa kini masyarakat Rungus menggunakan keranda jenis moden atau peti mati kerana keranda jenis ini lebih mudah untuk didapatkan. Seterusnya, dari segi pakaian persalinan pula masyarakat Rungus pada zaman dahulu mengenakan pakaian tradisional sebagai pakaian terakhir mereka. Manakala, pada masa kini masyarakat Rungus lebih memilih pakaian moden seperti baju gaun bagi wanita dan baju kot bagi lelaki. Dari segi denda pula, pada zaman dahulu denda yang dikenakan kepada individu yang melanggar pantang adalah lebih berat dan sukar untuk dipenuhi seperti mereka harus memberi 1 ekor babi yang bersaiz besar, sebuah gong, memberi haiwan peliharaan, dan lain-lain lagi. Manakala, pada masa kini denda yang dikenakan mengikut kepada rundingan yang dilakukan oleh ketua kampung dan jika denda tidak dapat dibayar maka individu yang melanggar pantang akan dilaporkan kepada pihak yang bertanggungjawab.

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini telah dilakukan sebaik mungkin agar persoalan kajian dapat diselesaikan yang mana bagi mengumpul data dan maklumat berkaitan dengan kajian ini pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah seperti kaedah kajian lapangan, temubual, kajian kepustakaan, dan pengkaji juga merujuk kajian-kajian lepas sebagai panduan dan gambaran untuk melakukan kajian ini. Kaedah

kajian yang digunakan telah membolehkan pengkaji mengetahui maklumat berkaitan dengan adat dan pantang larang kematian dalam masyarakat Rungus.

5.3 CADANGAN

Adat dan pantang larang kematian merupakan salah satu warisan yang amat berharga dan penting dalam konteks kehidupan masyarakat. Hal ini kerana, adat dan pantang larang kematian dalam masyarakat Rungus merupakan warisan tidak ketara dan adat ini harus dikekalkan agar generasi seterusnya dapat mengetahui dan mengenali adat ini kerana seperti yang kita ketahui pengurusan kematian amat penting untuk diketahui dan setiap bangsa dan agama mempunyai proses pengurusan kematian yang tersendiri. Oleh itu, pengkaji telah mengariskan beberapa cadangan pemeliharaan dan pemuliharaan warisan adat dan pantang larang kematian dalam masyarakat Rungus adalah perlu agar warisan tradisi ini dapat dimartabatkan dan tidak hilang ditelan arus pemodenan serta dapat diteruskan oleh generasi seterusnya.

5.3.1 Pendokumentasian Warisan Adat dan Pantang Larang Kematian

Pendokumentasian sesuatu warisan adalah amat penting bagi memastikan warisan yang telah diamalkan sejak turun-temurun dapat dipulihara dan dipelihara serta melalui dokumentasi warisan ini dapat diteruskan sehingga ke generasi seterusnya. Hal ini kerana, sesuatu dokumentasi dapat menjadi rujukan kepada masyarakat yang mana melalui dokumentasi semua lapisan masyarakat akan dapat mengetahui dan mengenali adat dan pantang larang kematian yang diamalkan oleh masyarakat Rungus. Dokumentasi juga adalah salah satu cara untuk merekodkan sesuatu warisan dan dapat diakses oleh semua masyarakat. Oleh itu, dengan adanya dokumentasi berkaitan dengan warisan ia dapat membantu para penyelidik untuk membuat rujukan bagi mendapatkan maklumat yang amat berguna dalam sesuatu kajian. Pendokumentasian juga dapat membantu masyarakat memahami dan melihat sendiri proses-proses upacara kematian yang dilakukan oleh masyarakat Rungus. Inisiatif pendokumentasian ini dapat memelihara warisan tradisi yang telah diamalkan sejak dari nenek moyang lagi

seperti dokumentasi adat dan pantang larang kematian kerana rekod ini bersifat kekal dan dokumentasi dapat ditonton dan diakses oleh masyarakat walaupun dunia semakin moden dan melalui dokumentasi ini juga kelangsungan warisan budaya dapat diteruskan sehingga generasi seterusnya.

5.3.2 Pihak Institusi

Sesebuah institusi berperanan penting dalam memartabatkan dan menjaga khazanah warisan bangsa dan negara. Hal ini kerana, institusi seperti Lembaga muzium negara dan muzium negeri memainkan peranan penting sebagai medium penyebaran maklumat dan seterusnya dapat mendidik masyarakat.

ii. Menganjurkan Pameran

Muzium merupakan tempat untuk menyimpan artifak-artifak dan khazanah warisan yang berharga dan mempunyai nilai sejarah yang tinggi. Adat dan pantang larang kematian dalam masyarakat Rungus dapat dipulihara dan dipelihara melalui program pameran berkaitan dengan peralatan kelengkapan kematian, maklumat adat dan pantang larang kematian. Dengan adanya pameran seperti ini masyarakat secara tidak langsung akan mengetahui adat kematian suku kaum Rungus. Oleh itu, program pameran yang diadakan dapat memberi kesedaran kepada masyarakat akan kepentingan sesuatu warisan khususnya dalam adat dan pantang larang kematian dalam konteks kehidupan.

iii. Pendigitalan Warisan

Warisan tidak ketara iaitu adat dan pantang larang kematian yang diamalkan oleh masyarakat Rungus dapat dijaga dan dilestarikan melalui pendigitalan warisan. Hal ini kerana, seiring dengan zaman yang serba moden masyarakat lebih tertarik kepada teknologi kerana ianya mudah untuk diakses walau dimana

sahaja tanpa mengira waktu dan tempat. Warisan ini dapat dipelihara dengan mewujudkan konsep muzium virtual yang mana segala maklumat berkenaan adat, pantang larang, dan proses upacara pengebumian dapat diakses oleh semua lapisan masyarakat sama ada dari dalam dan luar negara seperti menyebarkan maklumat melalui muzium virtual yang menggunakan teknologi 'Virtual Reality' (VR). Oleh itu, dengan adanya teknologi pendigitalan ini masyarakat dapat melihat sendiri dan mengetahui adat kematian yang diamalkan oleh masyarakat Rungus hanya menggunakan telefon pintar dan computer riba. Pendigitalan juga dapat mengembangkan lagi warisan budaya agar dapat diteruskan dari generasi ke generasi.

5.3.3 Peranan Golongan Tua

Golongan tua atau golongan yang berumur mempunyai peranan yang amat penting dan besar dalam menjaga sesuatu warisan seperti adat-adat dan pantang larang dalam kematian. Hal ini kerana, golongan tua merupakan golongan yang berpengalaman dan mereka haruslah bersikap lebih tegas kepada golongan muda supaya lebih menitikberatkan dan menghayati sesuatu warisan budaya bangsa dan negara. Selain itu, kini teknologi dunia semakin berkembang maju dan kebanyakan golongan muda tidak mengendahkan warisan kerana terdapat pengaruh budaya luar yang tersebar luas menyebabkan mereka tidak berminat dengan warisan turun-temurun. Oleh itu, untuk menurunkan sesuatu warisan golongan tua haruslah mengambil langkah menjaga warisan seperti sentiasa memperkenalkan warisan budaya kepada generasi baru dan menceritakan warisan tersebut agar mereka tahu kepentingannya dalam konteks kehidupan. Golongan tua juga haruslah mengamalkan perbuatan ini walaupun golongan muda tidak begitu berminat untuk mengetahui warisan budaya.

5.3.4 Peranan Golongan Muda

Adat-adat dalam kematian haruslah dijaga dan diteruskan oleh generasi muda kerana adat-adat ini boleh mengajar golongan muda cara untuk menguruskan jenazah pada

masa akan datang. Golongan muda haruslah mempelajari ilmu pengurusan jenazah daripada orang yang lebih tua khususnya golongan muda yang berbangsa Rungus dan mereka haruslah menitikberatkan akan kepentingan adat dan pantang larang dalam kematian.

5.3.5 Peranan Pihak Berkepentingan

Pihak yang berkepentingan terutama sekali mereka yang berkerja dalam bidang warisan budaya seperti Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sabah (JKKN) haruslah mengambil tahu berkaitan isu semasa dalam warisan dan mengambil tahu berkaitan dengan adat-adat yang masih diamalkan oleh masyarakat Sabah kerana seperti yang kita ketahui negeri Sabah mempunyai kepelbagaian suku kaum dan terdapat banyak adat tradisi yang berbeza-beza diamalkan oleh setiap suku kaum di Sabah. Pihak Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sabah haruslah menjalinkan hubungan kerjasama dengan pihak lain seperti pihak Muzium Negeri, pihak Kementerian Pelancongan, dan banyak lagi untuk menjaga dan memelihara warisan budaya yang ada di Sabah. Melalui kerjasama dengan pihak-pihak ini juga, secara tidak langsung warisan budaya dapat dipromosikan kepada masyarakat sama ada dari dalam dan luar negara.

5.4 RUMUSAN

Tuntasnya, warisan adat dan pantang larang kematian amat penting dalam konteks kehidupan masyarakat kerana proses upacara pengebumian merupakan perkara yang wajib diketahui oleh semua individu. Hal ini kerana, setiap kaum dan agama mempunyai adat serta proses upacara pengebumian mereka yang tersendiri agar setiap lapisan masyarakat dapat mengetahui cara untuk menguruskan si mati disebabkan ia merupakan satu perkara yang amat penting untuk dijadikan panduan dalam kehidupan. Sesuatu adat yang diamalkan telah menjadi panduan untuk melakukan sesuatu perkara. Kematian mempunyai hubungkait dengan adat istiadat kerana terdapat proses atau upacara pengebumian yang telah menjadi adat resam yang diamalkan oleh nenek

moyang serta diturunkan ke generasi seterusnya. Seterusnya, warisan ini haruslah dipelihara dan dipulihara agar masyarakat lebih peka akan kepentingan adat dan pantang larang kematian dalam kehidupan khususnya bagi masyarakat Rungus yang mana apabila berlaku kematian mereka boleh menguruskan jenazah si mati tanpa memerlukan khidmat orang lain.

Seterusnya, masyarakat Rungus amat mementingkan dan menekankan adat kematian dalam kehidupan mereka kerana hal ini telah menjadi salah satu simbol serta melambangkan identiti bangsa kebudayaan suku kaum Rungus. Adat kematian yang diamalkan oleh masyarakat Rungus dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim dengan penduduk setempat sekaligus ia dapat mewujudkan sebuah kawasan perkampungan yang aman dan harmoni serta mampu untuk menghadirkan suasana kehidupan ke arah pemikiran yang lebih positif kerana kita sedia maklum bahawa kebanyakan masyarakat pada masa kini kurang bertegur sapa dengan jiran tetangga. Perkara sebegini berlaku disebabkan oleh arus pemodenan yang semakin maju dengan adanya telefon pintar, jaringan internet yang lebih meluas serta kerjaya individu menyebabkan kurangnya komunikasi dengan jiran tetangga. Justeru itu, dengan adanya adanya suatu adat kematian yang diamalkan oleh sesuatu kaum ia dapat menjamin keutuhan serta kesejahteraan sikap kemasyarakatan sesama mereka. Dari segi pantang larang yang dikenakan sepanjang upacara kematian tersebut berlangsung dapat mendidik masyarakat agar lebih bersikap hormat dan menghormati serta mampu untuk memperkukuhkan sistem sosial dalam kalangan masyarakat sesuatu kaum tersebut.

Di samping itu, berdasarkan analisis kajian pengkaji mendapati bahawa adat dan pantang larang kematian dalam masyarakat Rungus kurang diketahui oleh masyarakat dan maklumat berkaitan dengan adat ini kurang dan sukar untuk dicari dalam laman sesawang seperti akhbar atau jurnal berkaitan adat ini amat terhad. Oleh itu, diharapkan kajian ini dapat memberi banyak manfaat serta ilmu pengetahuan kepada masyarakat dan para penyelidik yang akan datang.

RUJUKAN

Abdullah, A. S., & Majumah, R. (2014). Bbahul Dan Hubungannya Dengan Kepercayaan Bbiruhui Etnik Rungus Di Sabah (Bbahul And The Bbiruhui Beliefs Of The Rungus People Of Sabah).

al., R. T. (2018). Adat Resam dan Pantang Larang Suku kaum di Sabah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Binti Ismail, N. B., Zainal, S., & Sim, C. C. (2017). Upacara Adat Kematian Magpaturun Roh Arwah Ma Bahagi Pitu' Tinjauan Awal Terhadap Elemen Teaterikal Teater. *Jurnal Gendang Alam (GA)*.

Hubungannya Dengan Prinsip Releven Kognitif dan Prinsip Relevans

Kiyai, G. (2019). Ritual Adat Kematian dalam Masyarakat Iban di Sarawak: Artifak Iringan Tukang Sabak. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*, 4(1).


Komunikatif. *Jurnal Pengajian Melayu/Journal of Malay Studies (JOMAS)*, 29(1), 118-155.

Mahali, S. (2010). *Adat Ritual Kematian Di Sabah*. Kota Kinabalu: Utusan Kinabalu Co. Sdn. Bhd.

- Min, T. M., & On, L. K. (2019). Signifikan Budaya Mengayau dan Ritual Dalam Persembahan Lansaran: Mengayau Significant Head-Hunting Culture and Ritual in Lansaran Performance. *Jurnal Gendang Alam (GA)*.
- Mokhtar, R. (2020). Adat Kematian Dalam Kalangan Kumpulan Etnik Bajau Laut Di Kampung Bangau-Bangau, Semporna, Sabah: Death Rituals Among The Bajau Laut Ethnic Group in Kampung Bangau-Bangau, Semporna, Sabah. *Jurnal Kinabalu*, 277-277.
- Muhamd, W. R. (2006). Adat Resam Masyarakat Malaysia. Selangor: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Nasir, K., Zaman, A. R. K., & Mamat, S. (2019). Pengaruh Animisme dalam Adat Kematian Orang Sungai di Daerah Pitas, Sabah: Satu Tinjauan. *Borneo International Journal eISSN 2636-9826*, 1(3), 1-11.
- Penulis, P. (2013). Adat Resam Dan pantang Larang Di Sabah. In R. Majumah, *Adat Resam Dan Pantang Larang Suku Rungus* (pp. 52-75). Kuala Lumpur: Utusan Printcorp Sdn. Bhd.
- Penulis, P. (2013). Adat Resam Dan Pantang Larang Suku Kaum Bajau Sama. In R. Taim, *Adat Resam Dan Pantang Larang Suku Kaum Di Sabah* (pp. 8-26). Kuala Lumpur: Utusan Printcorp Sdn. Bhd.
- Penulis, P. (2013). Adat Resam Dan Pantang Larang Suku Kaum Di Sabah. In R. Lasimbang, *Adat Resam Dan Pantang Larang Suku Kaum Kadazan* (pp. 27-51). Kuala Lumpur: Utusan Printcorp Sdn. Bhd.

Penulis, P. (2013). Adat Resam Dan Pantang Larang Suku Kaum Di Sabah. In S. A. Lokin, *Adat Resam Dan Pantang Larang Suku Bisaya* (pp. 76-108). Kuala Lumpur: Utusan Printcorp Sdn. Bhd.

Zamani, N. D., & Hassan, H. (2018). Bahasa Pantang Larang Masyarakat Melayu dan Adat



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

LAMPIRAN A

SOALAN TEMUBUAL

TAJUK: ADAT DAN PANTANG LARANG DALAM MASYARAKAT RUNGUS: KAJIAN KES KAMPUNG BAVANGGAZO, KUDAT

Objektif Kajian 1: Apakah Adat Dan Pantang Larang Kematian Dalam Masyarkat Rungus?

1. Apakah adat yang diamalkan oleh masyarakat Rungus apabila berlaku kematian?
2. Apakah adat kematian yang diamalkan oleh masyarakat Rungus sebelum upacara pengebumian dilakukan?
3. Apakah adat kematian yang diamalkan oleh masyarakat Rungus semasa upacara kematian sedang dilakukan?
4. Apakah antara adat kematian yang diamalkan oleh masyarakat Rungus selepas upacara pengebumian dilakukan?
5. Apakah antara pantang larang yang ada dalam upacara kematian semasa proses pengurusan si mati?
6. Apakah antara pantang larang yang ada selepas upacara pengebumian dilakukan?
7. Apakah perkara yang tidak boleh dilakukan oleh ahli-ahli keluarga si mati sebelum, semasa, dan selepas upacara kematian dilakukan?
8. Apakah denda yang akan dikenakan kepada pelaku yang melanggar pantang larang yang telah ditetapkan dalam adat kematian?

Objektif Kajian 2: Mengkaji Praktis Atau Proses Upacara Kematian Yang Diamalkan Oleh Masyarakat Rungus?

1. Apakah proses yang dilakukan sebelum upacara kematian diadakan?
2. Apakah praktis atau proses yang dilakukan semasa upacara kematian diadakan?
3. Apakah proses yang dilakukan selepas upacara pengebumian si mati?
4. Bagaimanakah masyarakat Rungus mengendalikan atau menguruskan upacara kematian?

Objektif Kajian 3: Membincangkan Perbezaan Antara Adat Kematian Masyarakat Rungus Pada Masa Kini Dengan Masyarakat Rungus Pada Zaman Dahulu?

1. Bagaimanakah masyarakat Rungus pada zaman dahulu menguruskan dan mengadakan upacara kematian?
2. Apakah perbezaan adat kematian yang diamalkan oleh masyarakat Rungus pada zaman dahulu dan kini?
3. Apakah perbezaan pantang larang kematian yang diamalkan oleh masyarakat Rungus pada zaman dahulu dan kini?

LAMPIRAN B

Transkrip Responden 1: Penghuni Rumah Panjang

| Peranan | Kod Peranan |
|-----------------------------|-------------|
| Norasyikin Binti Mohd Sarap | P |
| Puan Rose | R |

P: Ah..Saya Norasyikin Binti Mohd Sarap pelajar tahun akhir dari Universiti Malaysia Kelantan..Aa..saya punya kajian berkaitan dengan adat dan pantang larang kematian dalam masyarakat Rungus..aa..sebelum saya memulakan temu ramah ini boleh saya tahu nama dan umur mak cik?

R: Ooo..umur..nama saya Rose Binti Sabalah umur 62 tahun..

P: Kita masuklah terus kepada soalan boleh?

R: Boleh..mm

1. Apakah adat kematian yang diamalkan oleh masyarakat Rungus Sebelum, semasa, dan selepas upacara pengebumian?

R: Ooo..sebelum pengurusan si mati itu kalau kami punya bangsa..turut berkumpul-kumpul..mmm..

2. Apakah adat semasa masyarakat Rungus

R: Oo..eya..kalau dia suda anu kan.. kalau suda meninggal.. itu urang.. inilah yang terlimpas aku cakap.. suda urang meninggal turut kita tulung-tulung kasi kemas-kemas itu barang dia..

3. Apa saja pantang yang ada dalam kematian ni mak cik?


R: ooo..oo..jadi kalau dia punya anu kan dia punya adat..yang dia suda meninggal..aa..yang satu bekumpul lagi.. yang kedua tidak buli pukul gong..ini oo..tidak buli..



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

LAMPIRAN C

TRANSKIP KATA BERTEMA


| Slang Bahasa Melayu Sabah | Bahasa Melayu Baku |
|----------------------------------|---------------------------|
| Urang | Orang |
| Buli | Boleh |
| Turus | Terus |
| Masam | Macam |
| Tulong-menulung | Tolong-menolong |
| Kodua | Kedua |
| Begumpul-gumpul | Berkumpul-kumpul |
| Sia | Saya |
| Inai | Panggilan untuk perempuan |
| Mengumban | Melontar |
| Durang | Mereka |
| Pigi | Pergi |
| Bilang | Katakan |
| Moginum | Minum-minuman keras |

Misti


Mesti



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

LAMPIRAN D



KELANTAN



KELANTAN



KELANTAN



U
MALAYSIA
KELANTAN